



# Polisi Insurans Travel Protector

**QBE INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD** mengalu-alukan anda sebagai Pemegang Polisi dan kami ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan agar anda membaca Dokumen yang menggariskan had dan manfaat insurans ini dengan teliti. Sila simpan di tempat yang selamat.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan, sila hubungi Ejen Berdaftar/Broker atau pejabat QBE kami, terutamanya jika insurans ini tidak memenuhi keperluan atau kemahuan anda.

**"KAMI MENINGATKAN ANDA BAHAWA ANDA MESTI MENDEDAHKAN KEPADA KAMI, SEPENUHNYA DAN SECARA JUJUR, FAKTA YANG ANDA TAHU ATAU HARUS TAHU, JIKA TIDAK, ANDA MUNGKIN TIDAK MENERIMA APA-APA FAEDAH DARIPADA POLISI ANDA."**

## Kandungan

PERLINDUNGAN .....	3
BAHAGIAN 1: JADUAL MANFAAT .....	4
BAHAGIAN 2: PERLINDUNGAN LANJUTAN AUTOMATIK .....	5
BAHAGIAN 3: KELAYAKAN .....	5
BAHAGIAN 4: DEFINISI .....	6
BAHAGIAN 5: MANFAAT .....	11
Seksyen 1: Kemalangan Diri .....	11
Seksyen 2: Perbelanjaan Perubatan .....	12
Seksyen 3: Pemindahan Kecemasan Perubatan 24 jam & Penghantaran Pulang Jenazah (Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia) .....	14
Seksyen 4: Pembatalan Penerbangan (Diguna pakai untuk Perjalanan Sehalah sahaja), Pembatalan Perjalanan, Penangguhan atau Pemendekan .....	15
Seksyen 5: Penundaan Penerbangan (Diguna pakai untuk Perjalanan Sehalah sahaja), Penundaan Perjalanan atau Pelencongan Perjalanan .....	17
Seksyen 6: Kegagalan Sambungan Perjalanan .....	17
Seksyen 7: Penempahan Penerbangan Berlebihan .....	18
Seksyen 8: Kehilangan atau Kerosakan Bagasi dan Barangan Peribadi .....	18
Seksyen 9: Kelewatan Bagasi .....	19
Seksyen 10: Kehilangan Dokumen Perjalanan dan penggunaan Kad Kredit yang Tidak Dibenarkan, termasuk kehilangan wang peribadi akibat kecurian .....	19
Seksyen 11: Kesulitan Rampasan .....	20
Seksyen 12: Liabiliti Peribadi .....	20
Seksyen 13: Kehilangan penggunaan hotel akibat mogok .....	21
Seksyen 14: Perlindungan Rumah .....	21
Seksyen 15: Insolvensi Ejen Pelancongan .....	21
Seksyen 16: Lebihan Bayaran Sewaan Kereta .....	22
Seksyen 17: Perlindungan Aktiviti Pelancong .....	22
Seksyen 18: Perlindungan Keganasan .....	23
Seksyen 19: Lanjutan Perlindungan Perjalanan COVID-19 .....	24
BAHAGIAN 6: MANFAAT WWEA .....	28
BAHAGIAN 7: PENGECUALIAN AM (DIGUNA PAKAI UNTUK SEMUA SEKSYEN) .....	29
BAHAGIAN 8: SYARAT AM (DIGUNA PAKAI UNTUK SEMUA SEKSYEN) .....	31
DOKUMEN TUNTUTAN YANG DIPERLUKAN .....	35
NOTIS PENTING .....	38
BUTIRAN HUBUNGAN .....	38

# PERLINDUNGAN

- A. Perkara berikut akan terpakai sekiranya Insurans adalah untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda:

## **Kontrak Insurans Pengguna**

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan berdasarkan deklarasasi (sama ada secara lisan atau bertulis) oleh Anda pada atau sebelum kontrak ini dikeluarkan. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang diperuntukkan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini mengguna pakai terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

- B. Perkara berikut akan terpakai sekiranya Insurans adalah untuk tujuan yang berkaitan dengan

## **perdagangan, perniagaan atau profesion Anda: Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan berdasarkan deklarasasi (sama ada secara lisan atau bertulis) oleh Anda pada atau sebelum kontrak ini dikeluarkan. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, serta perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini mengguna pakai terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

**MAKA POLISI INSURANS INI MEMPERAKUI, QBE Insurance (Malaysia) Berhad** (selepas ini dipanggil Syarikat) akan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini atau diendorskan di sini sekiranya sebarang kontingensi yang dinyatakan di sini berlaku di dalam Tempoh Insurans, lalu membayar Orang yang Diinsuranskan yang dinamakan di sini (atau sekiranya berlaku kematian, kepada wakil sah Orang Yang Diinsuranskan) jumlah wang yang dinyatakan dalam seksyen Jadual Manfaat di sini.

# BAHAGIAN 1: JADUAL MANFAAT

Jenis Pelan		Lawatan Tunggal	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
<b>Keterangan Manfaat</b>		<b>Had Pelan (RM)</b>			
<b>Kemalangan Diri</b>	*Dewasa *Kanak-kanak *Keluarga	100,000	100,000 25,000 300,000	200,000 50,000 600,000	300,000 75,000 900,000
<b>Perbelanjaan Perubatan</b>	*Sehingga 70 Tahun	2,000	200,000	350,000	500,000
<b>Perbelanjaan Perubatan Luar Negara</b>	*Melebihi 70 Tahun *Setiap keluarga		100,000 400,000	175,000 700,000	250,000 1,000,000
<b>Perbelanjaan Perubatan Rawatan Susulan di Malaysia</b>	*Sehingga 70 Tahun	Tidak berkeajaan	20,000	35,000	50,000
<b>Disebabkan Kecederaan</b>	*Melebihi 70 Tahun *Setiap keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	10,000 40,000	17,500 70,000	25,000 100,000
<b>Rawatan Alternatif</b>		Tidak berkeajaan	300	500	1,000
<b>Elaun Harian Hospital Luar Negara</b>				250 / hari	350 / hari
	*Dewasa	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	20,000	28,000
	*Keluarga	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	40,000	56,000
<b>Lawatan Ihsan</b>	*Individu	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	12,000	25,000
	*Keluarga	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	25,000	50,000
<b>Perlindungan Anak</b>	*Individu	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	15,000	25,000
	*Keluarga	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	30,000	50,000
<b>Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia</b>		Tidak berkeajaan	100,000	Tiada had	Tiada had
<b>Pembatalan Perjalanan, Penangguhan atau Pemendekan, Pembatalan Penerbangan (Perjalanan Sehala)</b>	*Individu *Keluarga	4,000 Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	20,000 40,000	30,000 60,000
<b>Penundaan atau Pelencengan Perjalanan, Penundaan Penerbangan (Perjalanan Sehala)</b>	*Individu *Keluarga	150 / 6jam 1,500 Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	200 / 6jam 3,600 7,200	200 / 6jam 4,000 8,000
<b>Kegagalan Sambungan Perjalanan</b>	*Individu *Keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	100 150	200 300
<b>Penempahan Penerbangan Berlebihan</b>	*Individu *Keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	250 500	500 1,000
<b>Kehilangan atau kerosakan bagasi dan Barangan Peribadi</b>		500/barang, 1,000/ komputer riba		500/barang, 1,000/ komputer riba	500/barang, 1,000/ komputer riba
	*Individu *Keluarga	2,500 Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	5,000 10,000	10,000 20,000
<b>Kelewatan Bagasi Luar Negara</b>	*Individu *Keluarga	100 / 6jam 500 Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	200 / 6jam 800 1,600	300 / 6jam 1,200 2,400
<b>Malaysia</b>				200 / 6jam	300 / 6jam
	*Individu	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	200	300
	*Keluarga	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	400	600
<b>Kehilangan Dokumen Perjalanan dan Wang Peribadi</b>	*Individu *Keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	5,000 10,000	10,000 20,000
<b>Kesulitan Rampasan</b>		200 / hari 1,000		500 / hari 2,500	1,000 / hari 5,000
	*Individu *Keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	5,000 10,000	10,000 20,000
<b>Liabiliti Peribadi (Setiap satu kejadian &amp; agregat setiap polisi)</b>	*Individu *Keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	1,000,000 1,000,000	1,500,000 1,500,000
<b>Kehilangan Penggunaan Hotel akibat Mogok</b>		Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	200 / 48 jam 2,000	200 / 48 jam 2,000
<b>Perlindungan Rumah</b>	*Individu *Keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	2,000 4,000	3,000 6,000
<b>Insolvensi Ejen Pelancongan</b>	*Individu *Keluarga *Agregat/agensi	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	8,000 14,000 1,000,000	12,000 21,000 1,000,000
<b>Lebih Bayaran Sewaan Kereta</b>		Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	1,000	3,000
<b>Keganasan</b>	*Dewasa *Kanak-kanak *Keluarga	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan Tidak berkeajaan	200,000 50,000 600,000	300,000 75,000 900,000

## BAHAGIAN 2: PERLINDUNGAN LANJUTAN AUTOMATIK

Sekiranya Pengangkutan Awam berjadual ditangguhkan atau Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan atau Penyakit dan Perjalanan perlu dilanjutkan di luar Tempoh Insurans, insurans tersebut akan terus berkuat kuasa untuk tempoh yang memunasabahnya diperlukan bagi melengkapkan Perjalanan sehingga maksimum tujuh (7) hari, tanpa caj tambahan, dengan syarat tempoh Insurans yang dilanjutkan tidak melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut dari tarikh permulaan Perjalanan.

## BAHAGIAN 3: KELAYAKAN

Untuk memenuhi kelayakan di bawah Polisi ini, Orang yang Diinsuranskan mestilah:

**(i) Perjalanan Sehala:**

- (a) warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, pemegang permit pekerjaan, pemegang pas pelajar, atau orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan termasuk suami/isteri dan Anak/Anak-anak yang menetap secara sah di Malaysia dan/atau dengan pas lawatan sosial jangka panjang sekurang-kurangnya 12 bulan
- (b) Berumur tiga puluh (30) hari sehingga lapan puluh (80) tahun
- (c) Anak/Anak-anak yang dinamakan yang berumur antara tiga puluh (30) hari hingga dua (2) tahun layak menerima hanya 10% daripada Manfaat Kemalangan Diri

**(ii) Perjalanan Dua Hala:**

- (a) warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, pemegang permit pekerjaan, pemegang pas pelajar, atau orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan termasuk suami/isteri dan Anak/Anak-anak yang menetap secara sah di Malaysia dan/atau dengan pas lawatan sosial jangka panjang sekurang-kurangnya 12 bulan
- (b) Berumur tiga puluh (30) hari sehingga lapan puluh (80) tahun

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan berumur bawah lapan belas (18) tahun, ibu bapa atau penjaganya akan memasuki kontrak insurans bagi pihak Orang yang Diinsuranskan sebagai Pemegang Polisi.

**(iii) Pelan Tahunan:**

- (a) warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, pemegang permit pekerjaan, pemegang pas pelajar, atau orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan termasuk suami/isteri dan Anak/Anak-anak yang menetap secara sah di Malaysia dan/atau dengan pas lawatan sosial jangka panjang sekurang-kurangnya 12 bulan
- (b) Berumur antara lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun dan boleh diperbaharui sehingga umur lapan puluh (80) tahun atas budi bicara Syarikat

## BAHAGIAN 4: DEFINISI

- **“Kemalangan”** bermaksud sebarang kejadian yang berlaku secara kebetulan, tiba-tiba, tidak dijangka dan tidak disengajakan, yang disebabkan secara langsung dan bebas daripada penyebab luar yang berlaku dalam Tempoh Insurans
- **"Dewasa"** bermaksud Orang Yang Diinsuranskan yang telah mencapai usia lapan belas (18) tahun pada permulaan Tempoh Insurans sehingga umur lapan puluh (80) tahun.
- **“Pelan Tahunan”** bermaksud Orang yang Diinsuranskan dibenarkan membuat Perjalanan sepanjang berkuat kuasanya Polisi dengan syarat setiap Perjalanan terhad kepada sembilan puluh (90) hari.
- **Tindakan Keganasan"** bermaksud tindakan mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian, bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, dilakukan untuk politik, agama, ideologi, etnik, nasionalis, kaum, atau tujuan yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam, atau mana-mana kumpulan orang awam. Rompakan atau tindakan jenayah lain yang tujuan utamanya adalah untuk keuntungan peribadi dan tindakan yang timbul terutamanya daripada hubungan peribadi terdahulu antara pelaku dan mangsa tidak akan dianggap sebagai Tindakan Keganasan. Tindakan Keganasan juga adalah termasuk sebarang tindakan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan yang berkaitan sebagai tindakan keganasan dan juga merangkumi penggunaan peranti nuklear, biologi dan kimia semasa tindakan keganasan.
- **"Asia Pasifik"** bermaksud negara-negara berikut: negara-negara ASEAN, Australia, Bangladesh, Bhutan, China, Hong Kong, India, Jepun, Korea Selatan, Macau, Maldives, Mongolia, New Zealand, Pakistan, Sri Lanka, Taiwan, Tibet dan Kepulauan Pasifik.
- **“Perbelanjaan Pembatalan”** bermaksud kehilangan deposit, atau caj untuk bayaran pendahuluan bagi perjalanan atau penginapan atau caj lain yang dibayar terlebih dahulu oleh Orang Yang Diinsuranskan atau yang mana Orang Yang Diinsuranskan secara sah bertanggungjawab terhadapnya dan terlupus dan tidak boleh didapatkan semula daripada mana-mana sumber lain.
- **“Anak/Anak-anak”** bermaksud anak kandung atau anak angkat atau anak tiri Orang Yang Diinsuranskan yang sah dari sisi undang-undang yang telah mencapai usia minimum tiga puluh (30) hari sehingga usia lapan belas (18) tahun yang tidak berkahwin dan bergantung kepada Orang Yang Diinsuranskan dari segi kewangan atau dua puluh tiga (23) tahun bagi mereka yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di Institusi Pendidikan. Anak atau anak-anak mesti ditemani oleh sekurang-kurangnya satu (1) ibu bapa atau penjaga yang dilindungi di bawah Polisi ini untuk sebarang Perjalanan semasa Tempoh Insurans.
- **"Kekecohan Awam"** bermaksud kekacauan, kegemparan atau gangguan yang dilakukan oleh orang awam biasanya terhadap badan pentadbiran atau dasarnya.
- **"Pengangkutan Awam"** bermaksud apa-apa pengangkutan udara, darat atau air yang dikendalikan dengan sah di bawah suatu lesen perkhidmatan untuk mengendalikan pengangkutan biasa bagi penumpang yang membayar tambang melalui laluan tetap dan sah sahaja. Bagi tujuan Polisi ini, Pengangkutan Awam tidak termasuk kereta persendirian, teksi, kapal persiaran atau perkhidmatan bas persiaran atau perkhidmatan ulang-alik, atau mana-mana pengangkutan yang digunakan untuk tujuan pelancongan. Perkhidmatan ulang-alik bermaksud sebarang pengangkutan yang beroperasi di antara dua (2) tempat dengan masa transit tidak melebihi tiga puluh (30) minit.
- **“COVID-19”** bermaksud sejenis penyakit berjangkit yang mengakibatkan sindrom pernafasan akut teruk disebabkan oleh virus (SARS-CoV-2).

- **"Ekspedisi"** bermaksud sebarang perjalanan atau lawatan ke mana-mana kawasan terpencil, berisiko tinggi, tidak dapat diakses, tidak dapat dikunjungi, tidak diterokai dan/atau tidak dipetakan termasuk tetapi tidak terhad kepada lawatan kayak yang dianjurkan secara persendirian di sekitar pantai suatu negara atau perjalanan atau lawatan ke kawasan pedalaman suatu negara yang terpencil atau kawasan yang tidak diterokai atau tidak dipetakan, atau perjalanan atau lawatan yang dijalankan untuk tujuan saintifik, penyelidikan atau politik ke lokasi atau perjalanan tersebut atau lawatan ke wilayah Artik atau Antartika atau lokasi yang jauh dan tidak sesuai didiami. Ia tidak termasuk trek dan perjalanan, (melainkan dikecualikan secara khusus di tempat lain dalam Polisi ini), yang disediakan oleh pengendali pelancongan yang diiktiraf yang terbuka kepada orang awam tanpa sekatan (selain daripada amaran kesihatan umum) tetapi dengan syarat bahawa Orang yang Diinsuranskan bertindak di bawah bimbingan dan pengawasan pembimbing dan/atau pengajar pengendali pelancongan yang berkelayakan.
- **"Sukan Ekstrem dan Aktiviti Sukan"** bermaksud sebarang aktiviti sukan yang menunjukkan tahap bahaya yang tinggi (contohnya melibatkan tahap kepakaran yang tinggi, usaha fizikal yang luar biasa, kepakaran gear atau aksi yang khusus) termasuk tetapi tidak terhad kepada melayari gelombang besar, kanu jeram, kayak, lompat tebing, lompat kuda, ultra maraton, biatlon, triatlon dan lagak ngeri menunggang. Ia tidak termasuk aktiviti pelancongan biasa yang terbuka kepada orang awam tanpa sekatan (melainkan ketinggian atau amaran kesihatan umum) dan yang disediakan oleh pengendali pelancong tempatan yang diiktiraf tetapi dengan syarat bahawa Orang yang Diinsuranskan bertindak di bawah bimbingan dan pengawasan pembimbing dan/atau pengajar pengendali pelancongan yang berkelayakan apabila melakukan aktiviti tersebut.
- **"Ahli Keluarga"** bererti suami/isteri, ibu bapa, ibu dan bapa mertua, datuk dan nenek, anak/anak-anak, menantu, abang, kakak, adik lelaki atau perempuan, abang ipar, kakak ipar, adik ipar, cucu, abang tiri, kakak tiri, adik tiri, ibu dan bapa tiri, penjaga.
- **"Pelan Keluarga"** hendaklah bermaksud pelan yang mana orang-orang berikut dinamakan di dalam polisi:
  - (a) Orang Yang Diinsuranskan dan seorang suami atau isteri yang sah (atau mana-mana satu isteri yang sah, sekiranya berkenaan) atau
  - (b) Orang Yang Diinsuranskan dan Anak/Anak-anak yang menemani atau
  - (c) Orang yang Diinsuranskan, seorang suami atau isteri yang sah dan Anak/Anak-anak yang menemani
- **"Vaksin Lengkap"** bermaksud pemberian dos-dos lengkap vaksin COVID-19 seperti yang dicadangkan, dipreskripsikan dan diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tarikh Orang Yang Diinsuranskan membeli polisi ini.
- **"Kandungan Rumah"** bermaksud perabot dan kelengkapan rumah, pakaian dan barangan peribadi milik Orang yang Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan yang tinggal secara tetap dengan Orang yang Diinsuranskan. Kandungan rumah tidak akan termasuk surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji, cek, cek kembara, sekuriti untuk wang, apa-apa jenis dokumen, wang tunai, nota mata wang.
- **"Penempatan Hospital"** bermaksud ditempatkan di hospital sebagai pesakit dalam disebabkan Kecederaan atau Penyakit dan atas saranan Pengamal Perubatan Berkelayakan. Satu hari "Penempatan Hospital" bermaksud satu tempoh di mana hospital mengenakan bayaran untuk bilik dan makan bagi rawatan Kecederaan atau Penyakit.
- **"Rampasan"** bermaksud rampasan dan kawalan haram Pengangkutan Awam dengan menggunakan atau mengancam penggunaan kekerasan.
- **"Penyakit Berjangkit"** bermaksud penyakit yang boleh disebarkan dengan mudah seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkaitan di kawasan geografi yang terjejas.
- **"Kecederaan"** bermaksud kecederaan anggota yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan dan bukan oleh atau disebabkan sebarang Penyakit, pandemik atau masalah mental dengan syarat Kecederaan mesti berlaku dalam Perjalanan dan dalam Tempoh Insurans.
- **"Insolvensi"** bermaksud ketidakupayaan individu atau entiti untuk membayar hutangnya apabila tiba waktu pembayaran dan mengakibatkan pelupusan menyeluruh dengan atau tanpa memfailkan muflis/petisyen penggulungan.

- **"Orang Yang Diinsuranskan"** bermaksud orang yang dinyatakan atau dinamakan di dalam Jadual Polisi.
- **"Barang Kemas"** bermaksud objek seperti cincin, gelang, kerongsang, rantai, gelang, subang, dan loket yang dipakai di tubuh sebagai hiasan, yang dibuat sepenuhnya atau sebahagiannya daripada logam berharga, termasuk tetapi tidak terhad kepada emas dan perak, dengan batu berharga atau separa berharga.
- **"Kehilangan Pendengaran"** bermaksud kehilangan pendengaran yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan.
- **"Kehilangan Penglihatan"** bermaksud kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan.
- **"Kehilangan Pertuturan"** bermaksud kehilangan kebolehan untuk berkomunikasi secara lisan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan.
- **"Kehilangan atau Kehilangan Fungsi"** bermaksud kehilangan fungsi anggota secara menyeluruh dan kekal dari segi ketidakdayaan atau ketidakupayaan fizikal dalam semua aspek kehidupan seharian dan bukan hanya dari segi ketidakdayaan atau ketidakupayaan profesional atau pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan.
- **"Pengamal Perubatan"** bermaksud mana-mana orang yang diberi kuasa dari segi undang-undang dan berdaftar dengan kerajaan di dalam kawasan geografi amalan beliau untuk memberikan perkhidmatan perubatan atau pembedahan, tetapi tidak termasuk Pengamal Perubatan yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan sendiri, atau suami/isteri atau saudara Orang Yang Diinsuranskan, atau rakan kongsi perniagaan atau majikan Orang Yang Diinsuranskan.
- **"Perbelanjaan Perubatan"** bermaksud Perbelanjaan Perubatan yang biasa, munasabah dan lazim yang perlu dan munasabah dalam rawatan perubatan atau pembedahan bagi Kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini termasuk bayaran untuk Pengamal Perubatan, hospital, penyedia perkhidmatan ambulans, perkhidmatan kejururawatan termasuk bekalan perubatan, X-ray dan ujian makmal.
- **"Wang"** termasuk wang tunai, kad tunai, cek, kad kredit, cek kembang, wang kiriman pos atau kiriman wang milik Orang yang Diinsuranskan.
- **"Mendaki Gunung"** bermaksud pendakian atau penurunan gunung yang biasanya memerlukan penggunaan peralatan yang khusus termasuk tetapi tidak terhad kepada krampon (crampons), cangkul burung (pickaxe), penambat, bolt, karabiner dan peralatan penambat lead-rope atau top-rope.
- **"Perjalanan Sehala"** bermaksud Perjalanan dari Malaysia ke destinasi Luar Negara dan yang bermula apabila Orang yang Diinsuranskan tiba di premis lapangan terbang di Malaysia dan berakhir pada ketibaan Orang Yang Diinsuranskan di premis lapangan terbang destinasi Luar Negara dalam perjalanan beliau (termasuk negara transit di mana Orang yang Diinsuranskan dihadkan dalam kawasan transit di lapangan terbang).
- **"Luar Negara"** bermaksud mana-mana destinasi di luar sempadan wilayah Malaysia.
- **"Tempoh Insurans"** bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- **"Hilang Upaya Menyeluruh Kekal"** bermaksud **hilang upaya menyeluruh dan mutlak disebabkan kecederaan anggota akibat kemalangan** yang terjadi dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut dari tarikh Kemalangan dan berterusan selama 12 bulan dari tarikh diagnosisnya yang semata-mata dan secara langsung menghalang Orang yang Diinsuranskan daripada menghadiri mana-mana perniagaan, pekerjaan atau kewajipan yang secara munasabahnya layak bagi beliau disebabkan oleh pendidikan, latihan atau pengalamannya.
- **"Polisi"** bermaksud kontrak insurans yang terdiri daripada sijil insurans, jadual polisi dan/atausebarang pengendorsan.
- **"Tindak Balas Rantai Polimerase (PCR)"** bermaksud ujian untuk COVID-19 yang dijalankan secara profesional dan adalah suatu ujian molekul yang menganalisis spesimen daripada saluran pernafasan bahagian atas Orang yang Diinsuranskan, bagi mengesan bahan genetik (asid ribonukleik atau RNA) SARCoV-2, virus yang menyebabkan COVID-19.



- **“Perbelanjaan Penangguhan”** bermaksud sebarang caj pentadbiran yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan yang timbul daripada penangguhan Perjalanan
- **"Penyakit Sedia Ada"** bermaksud sebarang keadaan perubatan yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Diinsuranskan sebelum tarikh Polisi berkuat kuasa. Orang Yang Diinsuranskan dianggap mengetahui sewajarnya tentang sesuatu Penyakit Sedia Ada di mana situasi bagi keadaan itu adalah:
  - (a) Pemegang Polisi dan/atau Orang Yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
  - (b) Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan oleh Pengamal Perubatan;
  - (c) Simptom yang nyata dan ketara dapat atau telah dilihat dengan jelas.
  - (d) Kewujudannya dapat dilihat secara jelas dan munasabah oleh orang di dalam keadaan itu.
- **“Kuarantin”** bermaksud sekatan ke atas pergerakan manusia untuk menghalang penyebaran penyakit berjangkit.
- **“Kenderaan Sewa”** bermaksud kenderaan bukan komersial yang disewa daripada Syarikat sewa kenderaan motor berlesen hanya dengan untuk tujuan membawa Orang Yang Diinsuranskan di jalan awam.
- **"Rusuhan"** bermaksud tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan keamanan awam (sama ada berkaitan dengan Mogok atau sekatan kerja atau tidak) atau tindakan mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang sah dalam penahanan atau cuba untuk menahan apa-apa gangguan sedemikian atau dalam mengurangkan kesan gangguan tersebut.
- **“Perjalanan Dua Hala”** bermaksud mana-mana satu Lawatan oleh Orang yang Diinsuranskan dari Malaysia ke destinasi Luar Negara dan kembali ke Malaysia dan tidak melebihi sembilan puluh (90) hari.
- **“Kecederaan atau Penyakit Serius”** bermaksud Kecederaan atau Penyakit yang diperakui oleh Pengamal Perubatan sebagai mengancam nyawa dan memerlukan rawatan segera oleh Pengamal Perubatan dan menyebabkan Orang yang Diinsuranskan ditempatkan di hospital.
- **"Penyakit"** bermaksud sebarang kemerosotan kesihatan atau keadaan fizikal secara tiba-tiba dan tidak dijangkakan yang ditunjukkan oleh perbezaan patologi berbanding keadaan sihat yang normal, yang dijangkiti semasa dalam perjalanan dan dalam Tempoh Insurans serta memerlukan rawatan segera oleh Pengamal Perubatan.
- **"Mogok"** bermaksud tindakan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat kerja dalam usaha untuk melanjutkan Mogok atau menentang sekatan kerja; atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah untuk menghalang atau cuba untuk menghalang tindakan itu atau mengurangkan kesan mana-mana tindakan sedemikian.
- **"Penarikan Perkhidmatan Penting"** bermaksud
  - (a) Penarikan semua kemudahan air atau semua elektrik di bilik Orang Yang Diinsuranskan; atau
  - (b) Penarikan perkhidmatan air pada waktu makan atau perkhidmatan dapur yang sedemikian di mana tiada makanan panas dihidangkan; atau
  - (c) Penarikan semua perkhidmatan pengemas bilik.
- **"Rawatan Tradisional"** bermaksud rawatan untuk kecederaan atau penyakit oleh pakar herba, pakar akupunktur atau pengeset tulang (bonesetter) sama ada dilesenkan oleh kerajaan atau tidak.
- **"Ejen Pelancongan"** bermaksud Ejen Pelancongan sah yang dilesenkan dan berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia.
- **"Teman Seperjalanan"** bermaksud orang yang mengiringi Orang yang Diinsuranskan dalam seluruh Perjalanan.
- **"Dokumen Perjalanan"** bermaksud passport, visa, permit masuk, lesen memandu, tiket pengangkutan dan baucar penginapan.

- **“Perjalanan”** bermaksud Perjalanan Sehalu atau Perjalanan Dua Hala. Suatu perjalanan mesti bermula dari Malaysia dan pada Tarikh Berkuat kuasa Perjalanan tersebut bermula pada masa Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan rumah atau tempat pekerjaannya yang biasa atau normal di Malaysia dan berakhir:
  - (a) pada masa yang paling awal Orang Yang Diinsuranskan pulang ke rumah atau tempat pekerjaannya yang biasa atau normal di Negara Kediannya: atau
  - (b) Dalam tempoh 8 jam dari masa ketibaannya di destinasi Malaysia; atau
  - (c) Selepas tarikh tamat tempoh polisi yang dinyatakan dalam polisi, yang mana lebih awal.
- **“Syarikat”** bermaksud QBE Insurance (Malaysia) Berhad.
- **“Barang berharga”** bermaksud barang emas, perak atau logam berharga lain, barang kemas, bulu haiwan, jam tangan dan permata berharga atau separa berharga.
- **“Seluruh Dunia”** bermaksud seluruh dunia termasuk negara-negara di bawah Asia Pasifik.
- **“Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia”** atau **“WWEA”** bermaksud penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Syarikat untuk menyediakan perkhidmatan Polisi ini.

## BAHAGIAN 5: MANFAAT

### Seksyen 1: Kemalangan Diri

Syarikat akan membayar ganti rugi sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh Kekal Akibat Kemalangan kepada Orang yang Diinsuranskan disebabkan Kecederaan semasa dalam Perjalanan yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kecederaan yang semata-mata dan secara langsung dikaitkan dengan sebab yang sama.

Jadual 1:

Kejadian	Kematian atau Jenis Hilang Upaya Kekal	% Jumlah Diinsuranskan
1	Kematian Akibat Kemalangan	100%
2	Hilang Upaya Menyeluruh Kekal	100%
3	Kehilangan atau Kehilangan Fungsi bagi sekurang-kurangnya dua tangan atau kaki	100%
4	Kehilangan Penglihatan kedua-dua mata	100%
5	Kehilangan Pertuturan atau Kehilangan Pendengaran kedua-dua telinga	100%
6	Kehilangan Penglihatan sebelah mata/pendengaran sebelah telinga dan satu tangan atau kaki	100%
7	Kehilangan atau Kehilangan Fungsi satu tangan atau kaki	50%
8	Kehilangan Penglihatan sebelah mata	50%
9	Kehilangan Pertuturan	50%
10	Kehilangan Pendengaran sebelah telinga	15%

Sekiranya terjadi lebih daripada satu (1) kejadian yang disenaraikan dalam Jadual 1, Syarikat akan membayar untuk kejadian yang mempunyai jumlah tertinggi yang perlu dibayar, dan jika dua (2) atau lebih kejadian menunjukkan jumlah yang sama, Syarikat akan memilih kejadian di mana tuntutan akan dibayar berdasarkan budi bicara mutlak.

Orang Yang Diinsuranskan tidak akan sesekali berhak mendapat pampasan yang melebihi 100% had yang dikenakan kepada Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.

#### Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 1 ini

Polisi ini tidak melindungi perkara berikut:

1. Orang Yang Diinsuranskan yang terlibat dalam penerbangan atau aktiviti udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat penumpang berlesen.
2. Kematian atau Hilang Upaya Kekal disebabkan oleh atau akibat Penyakit, pandemik atau penyakit mental.

## **Seksyen 2: Perbelanjaan Perubatan**

### **2(a) Perbelanjaan Perubatan (diguna pakai untuk Perjalanan Sehala sahaja)**

Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan perubatan yang lazim dan munasabah (tidak termasuk kos rawatan pergigian melainkan rawatan itu perlu dijalankan terhadap gigi semula jadi yang baik dan disebabkan oleh kecederaan yang sama), untuk rawatan yang munasabah dan perlu ditanggung disebabkan Kecederaan yang dialami atau Penyakit yang dijangkiti semata-mata dan secara langsung semasa Perjalanan Sehala. Semua rawatan perlu di preskripsi oleh Pengamal Perubatan supaya perbelanjaan boleh dibayar semula di bawah polisi ini.

### **2(b) Perbelanjaan Perubatan**

Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan perubatan yang lazim dan munasabah (tidak termasuk kos rawatan pergigian melainkan rawatan itu perlu dijalankan terhadap gigi semula jadi yang baik dan disebabkan oleh kecederaan yang sama) yang terjadi di Luar Negara, untuk rawatan yang munasabah dan perlu ditanggung disebabkan Kecederaan yang dialami atau Penyakit yang dijangkiti semata-mata dan secara langsung semasa Perjalanan. Semua rawatan perlu di preskripsi oleh Pengamal Perubatan supaya perbelanjaan boleh dibayar semula di bawah polisi ini.

#### *Syarat Tambahan:*

Syarikat mempunyai pilihan untuk meminta Orang yang Diinsuranskan kembali ke Malaysia jika kos Perbelanjaan Perubatan Luar Negara, Perbelanjaan Pergigian dan/atau apa-apa perbelanjaan tambahan lain yang mungkin dilindungi di bawah polisi kemungkinan besar akan melebihi kos untuk membawa pulang Orang yang Diinsuranskan kembali ke Malaysia, apa-apa tuntutan untuk meneruskan rawatan di Malaysia adalah tertakluk kepada terma dan jumlah maksimum yang dinyatakan di bawah Seksyen 2(c) - Perbelanjaan Perubatan Susulan di Malaysia. Syarikat juga mempunyai pilihan untuk memindahkan Orang yang Diinsuranskan ke Hospital terdekat di negara lain jika rawatan dan/atau kemudahan yang diperlukan tidak terdapat di kawasan terdekat.

### **2(c) Perbelanjaan Perubatan Susulan di Malaysia**

Seksyen ini juga merangkumi Perbelanjaan Perubatan yang dikenakan untuk rawatan susulan di Malaysia untuk Kecederaan atau Penyakit yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan di Luar Negara. Had masa untuk mendapatkan rawatan perubatan adalah seperti berikut:-

- (i) jika rawatan perubatan terdahulu tidak didapatkan di Luar Negara, Orang yang Diinsuranskan mesti mendapatkan rawatan perubatan di Malaysia dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kembali ke Malaysia. Dari tarikh rawatan pertama di Malaysia, Orang Yang Diinsuranskan mempunyai sehingga maksimum empat puluh lima (45) hari untuk meneruskan rawatan perubatan di Malaysia;
- (ii) jika rawatan perubatan telah pun didapatkan di Luar Negara, Orang yang Diinsuranskan mempunyai sehingga maksimum empat puluh lima (45) hari selepas kembali ke Malaysia untuk meneruskan rawatan perubatan.

## **2(d) Rawatan Alternatif**

Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan untuk Perbelanjaan Perubatan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang dikenakan sebagai Rawatan Alternatif, disebabkan oleh Kecederaan atau Penyakit yang dialami semasa Perjalanan.

Orang yang Diinsuranskan mempunyai sehingga maksimum empat puluh lima (45) hari untuk Rawatan Alternatif susulan apabila kembali ke Malaysia.

## **2(e) Elaun Harian Hospital Luar Negara**

Syarikat akan membayar elaun tunai harian untuk jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk Penempatan Hospital disebabkan Kecederaan atau Penyakit yang dialami semasa di Luar Negara. Jumlah tersebut akan dibayar untuk setiap dua puluh empat (24) jam bermula dari hari pertama Penempatan Hospital sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

## **2(f) Lawatan Ihsan**

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital ketika di Luar Negara selama lebih daripada lima (5) hari berturut-turut dan keadaan perubatannya melarang penghantaran pulang dan tidak ada anggota keluarga dewasa yang bersama dengannya, Syarikat akan membayar sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perjalanan yang munasabah (tambang kelas ekonomi dan perbelanjaan penginapan hotel biasa) yang perlu ditanggung oleh satu (1) ahli keluarga atau rakan Orang yang Diinsuranskan untuk melawat dan tinggal bersamanya sehingga Orang Yang Diinsuranskan mampu dari segi perubatan untuk kembali ke Malaysia, seperti yang disahkan oleh WWEA yang dilantik bagi pihak Syarikat.

## **2(g) Perlindungan Anak**

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital di Luar Negara selama lebih dari lima (5) hari berturut-turut dan tiada orang Dewasa lain untuk menemani Anak/Anak-anak itu pulang, Syarikat akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk perjalanan yang munasabah (tambang kelas ekonomi dan perbelanjaan penginapan hotel biasa) untuk satu ahli keluarga atau rakan untuk mengiringi Anak/Anak-anak tersebut kembali ke Malaysia melalui kaedah perjalanan pertama yang tersedia dengan syarat Anak/Anak-anak juga merupakan Orang yang Diinsuranskan di bawah polisi.

## **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 2**

1. Orang Yang Diinsuranskan yang mengembara walaupun dilarang berdasarkan nasihat perubatan atau bertujuan untuk mendapatkan rawatan perubatan;
2. Caj atau perbelanjaan untuk peralatan sokongan hayat atau alat prostetik bukan untuk anggota badan atau kelengkapan hospital kecuali untuk sewa atau caj yang dikenakan untuk peranti atau kelengkapan sedemikian semasa Penempatan Hospital;
3. Rawatan pembedahan atau perubatan atau pergigian, di mana pada pendapat Pengamal Perubatan atau doktor gigi (berdasarkan keadaan) secara munasabah boleh ditangguhkan sehingga Orang yang Diinsuranskan kembali ke Malaysia;
4. Untuk sebarang Kecederaan atau Penyakit yang dialami sebelum bermulanya Perjalanan Orang yang Diinsuranskan;
5. Apa-apa perbelanjaan yang dikenakan berhubung dengan rawatan tradisional kecuali Seksyen 2(d);
6. Seksyen 2 (e), 2 (f) dan 2 (g) tidak akan diguna pakai sekiranya Seksyen 2(a), 2(b), 2(c) dan 2(d) tidak perlu dibayar.
7. Resit bayaran daripada sumber lain.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan berhak untuk menerima pembayaran bagi kesemua atau sebahagian daripada Perbelanjaan Perubatan yang dinyatakan di atas daripada mana-mana sumber lain, Syarikat akan membayar beza di antara apa yang sebenarnya dikenakan dan dibayar oleh Orang yang Diinsuranskan dan jumlah Orang Yang Diinsuranskan berhak untuk menerima daripada sumber lain tersebut.

### **Seksyen 3: Pemindahan Kecemasan Perubatan 24 jam & Penghantaran Pulang Jenazah (Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia)**

Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia (WWEA) yang dilantik oleh Syarikat akan menyediakan rangkaian pusat perkhidmatan 24 jam, nasihat dan bantuan telefon kepada Orang Yang Diinsuranskan sekiranya berlaku kecemasan perubatan di Luar Negara dalam Perjalanan. Orang yang Diinsuranskan hanya layak untuk menerima pampasan daripada Syarikat apabila perkhidmatan tersebut disediakan oleh dan melalui WWEA.

Sekiranya berlaku Kecederaan atau Penyakit Serious yang memerlukan pemindahan:

- WWEA akan mengatur pengangkutan kecemasan melalui ambulans atau cara lain termasuk penugasan doktor dan/atau jururawat untuk menemani Orang yang Diinsuranskan, jika perlu, ke pusat perubatan atau hospital yang paling hampir dan sesuai.
- Sekiranya perlu dari segi perubatan, WWEA akan selanjutnya mengatur tiket penerbangan berjadual (tiket kelas ekonomi) untuk Orang yang Diinsuranskan pulang ke Malaysia, sekiranya tiket pulang asal tidak sah, dan sebarang kos tambahan untuk pemindahan ambulans ke dan dari lapangan terbang.

Sekiranya berlaku kematian, WWEA akan mengatur pengangkutan penghantaran pulang jenazah kembali ke Malaysia tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

Seksyen ini tertakluk pada syarat-syarat berikut:

**i. Sekiranya Berlaku Kecemasan**

Orang yang Diinsuranskan atau wakilnya hendaklah menghubungi Pusat Perkhidmatan WWEA di Malaysia, sebelum melakukan apa-apa tindakan atau pembayaran peribadi. Orang yang Diinsuranskan atau wakilnya perlu menyatakan:

- a. Nama Orang yang Diinsuranskan
- b. Nombor Polisi/Sijil Orang yang Diinsuranskan
- c. Jenis kecederaan atau penyakit
- d. Butiran mengenai doktor yang merawat, jika ada
- e. Lokasi semasa dan cara untuk berhubung

**ii. Kelulusan Perubatan**

Orang Yang Diinsuranskan hanya akan dihantar dengan kelulusan perubatan daripada doktor yang merawat dan penasihat perubatan WWEA yang mengesahkan bahawa penghantaran diperlukan.

**Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 3**

Seksyen ini tidak melindungi perkara berikut:

1. Kecederaan atau Penyakit yang pada pendapat doktor WWEA dapat dirawat dengan secukupnya disitu atau rawatan secara munasabahnya boleh ditangguhkan sehingga kembali ke Malaysia.
2. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mampu kembali ke negara kediamannya sebagai penumpang berduduk dan tanpa pengiring perubatan (kecuali diterima oleh doktor bertugas WWEA).
3. Sekiranya Orang yang Diinsuranskan sedang menjalani rawatan perubatan pada masa beliau memulakan Perjalanannya, atau Perjalanan dilakukan bertentangan dengan nasihat doktor atau bertujuan untuk mendapatkan rawatan perubatan atau untuk berehat dan pemulihan berikutan sebarang Kecederaan atau Kemalangan, Penyakit atau Penyakit Sedia Ada sebelumnya.
4. Sekiranya Orang yang Diinsuranskan mengalami sebarang penyakit mental.
5. Sekiranya Kecederaan atau Penyakit berlaku apabila Orang yang Diinsuranskan sedang bertugas sebagai ahli dalam angkatan tentera atau polis semasa Perjalanan.
6. Kehamilan, melahirkan anak atau keguguran kecuali komplikasi penting yang tidak dijangkasemasa kehamilan dua puluh empat (24) minggu pertama.
7. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung akibat Penyakit Sedia Ada.
8. Apa-apa kos atau perbelanjaan yang tidak dilindungi secara jelas oleh Seksyen ini dan tidak diluluskan terlebih dahulu dan secara bertulis oleh Syarikat dan/atau tidak diatur oleh WWEA.
9. Apa-apa perbelanjaan yang berkaitan dengan rawatan yang dijalankan atau diarahkan oleh pengamal yang tidak berdaftar.

## **Seksyen 4: Pembatalan Penerbangan (Diguna pakai untuk Perjalanan Sehala sahaja), Pembatalan Perjalanan, Penangguhan atau Pemendekan**

### **4(a) Pembatalan Penerbangan (Diguna pakai untuk Perjalanan Sehala sahaja)**

Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk kos tiket penerbangan berjadual yang dibayar terlebih dahulu oleh Orang Yang Diinsuranskan yang tidak akan digunakan atau terlupus dan tidak dapat didapati semula dari mana-mana sumber lain apabila pembatalan Perjalanan timbul disebabkan sebab berikut:

- (i) Kematian Orang yang Diinsuranskan, Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan, rakan kongsi perniagaan atau teman seperjalanan yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan.
- (ii) Kecederaan atau Penyakit Orang yang Diinsuranskan, Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan, rakan kongsi perniagaan atau teman seperjalanan yang memerlukan Penempatan Hospital dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan.
- (iii) Di mana Orang yang Diinsuranskan perlu hadir di Mahkamah sebagai saksi, untuk perkhidmatan juri atau kuarantin yang diwajibkan.
- (iv) Pembatalan perkhidmatan berjadual Pengangkutan Awam akibat Mogok, Rusuhan, Kekecohan Awam, Tindakan Keganasan, bencana alam atau keadaan cuaca buruk yang tidak diduga di destinasi yang dirancang berlaku dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan.
- (v) Kerosakan serius terhadap kediaman Orang Diinsuranskan di Malaysia yang berlaku akibat kebakaran, banjir atau pecah rumah dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan.

Pembatalan Penerbangan akan dibayar dengan syarat pembatalan itu tidak berkaitan dengan apa-apa keadaan yang diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan semasa merancang Perjalanan atau memohon untuk Polisi.

### **4(b) Pembatalan Perjalanan**

Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, untuk Perbelanjaan Perjalanan akibat pembatalan Perjalanan atau mana-mana destinasi terjadual yang timbul disebabkan sebab berikut:

- (i) Kematian Orang yang Diinsuranskan, Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan, rakan kongsi perniagaan atau teman seperjalanan yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan.
- (ii) Kecederaan atau Penyakit Orang yang Diinsuranskan, Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan, rakan kongsi perniagaan atau teman seperjalanan yang memerlukan Penempatan Hospital dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan.
- (iii) Di mana Orang yang Diinsuranskan perlu hadir di Mahkamah sebagai saksi, untuk perkhidmatan juri atau kuarantin yang diwajibkan.
- (iv) Pembatalan perkhidmatan berjadual Pengangkutan Awam akibat Mogok, Rusuhan, Kekecohan Awam, Tindakan Keganasan, bencana alam atau keadaan cuaca buruk yang tidak diduga di destinasi yang dirancang berlaku dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan.
- (v) Kerosakan serius terhadap kediaman Orang yang Diinsuranskan di Malaysia yang berlaku akibat kebakaran, banjir atau pecah rumah dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh berangkat untuk Perjalanan yang dirancang.

Pembatalan Perjalanan akan dibayar dengan syarat pembatalan itu tidak berkaitan dengan apa-apa keadaan yang diketahui atau dalam kawalan Orang Yang Diinsuranskan semasa merancang Perjalanan atau memohon untuk Polisi.

### **4(c) Penangguhan Perjalanan**

Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, untuk Perbelanjaan Penangguhan akibat penangguhan Perjalanan atau mana-mana destinasi terjadual yang timbul akibat sebab yang dinyatakan dalam 4 (a) & 4 (b).

Tempoh penangguhan adalah dalam tempoh enam (6) bulan dari waktu keberangkatan asal seperti dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan. Selepas pembayaran Perbelanjaan Penangguhan, polisi ini akan dibatalkan dan Orang yang Diinsuranskan tidak akan layak untuk menerima apa-apa Manfaat lain di bawah polisi.

#### **4(d) Pemendekan Perjalanan**

Syarikat akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan sehingga had seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, untuk pengangkutan tambahan (terhad kepada tambang kelas ekonomi) dan perbelanjaan penginapan hotel biasa (tidak termasuk makanan dan minuman) yang ditanggung di Luar Negara atau perbelanjaan yang tidak boleh didapatkan kembali untuk pengangkutan dan/atau penginapan yang dibayar terlebih dahulu oleh Orang yang Diinsuranskan selepas bermulanya Perjalanan yang timbul kerana Orang yang Diinsuranskan perlu kembali terus ke Malaysia lebih awal akibat sebab-sebab berikut:

- (i) Kematian Orang yang Diinsuranskan, Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan, rakan kongsi perniagaan atau teman seperjalanan;
- (ii) Kecederaan atau Penyakit Serius terhadap Orang yang Diinsuranskan semasa dalam Perjalanan yang menyebabkannya ditempatkan di Hospital luar negara dan perlu pulang terus dan serta-merta ke Malaysia selepas dibenarkan keluar.
- (iii) Kecederaan atau Penyakit Serius terhadap Orang yang Diinsuranskan semasa dalam Perjalanan dan dinasihatkan oleh Pengamal Perubatan untuk serta-merta kembali ke Malaysia. Laporan perubatan perlu didapatkan daripada Pengamal Perubatan yang merawat.
- (iv) Kecederaan atau Penyakit Ahli Keluarga Orang yang Diinsuranskan, rakan kongsi perniagaan atau teman seperjalanan yang memerlukan Penempatan Hospital.
- (v) Di mana Orang yang Diinsuranskan perlu hadir di Mahkamah sebagai saksi, untuk perkhidmatan juri atau kuarantin yang diwajibkan.
- (vi) Pembatalan perkhidmatan berjadual Pengangkutan Awam akibat Mogok, Rusuhan, Kekecohan Awam, Tindakan Keganasan, bencana alam atau keadaan cuaca buruk yang tidak diduga di destinasi yang dirancang yang menghalang Perjalanan untuk diteruskan.
- (vii) Kerosakan serius terhadap kediaman Orang yang Diinsuranskan di Malaysia yang berlaku akibat kebakaran, banjir atau pecah rumah.

Pemendekan Perjalanan akan dibayar dengan syarat pemendekan itu tidak berkaitan dengan apa-apa keadaan yang diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan semasa merancang Perjalanan atau memohon untuk Polisi.

#### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 4 ini**

Polisi ini tidak melindungi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Kos tiket perjalanan asal yang telah dibeli untuk kembali ke Malaysia.
2. Ketidakupayaan atau ketidaklayakan Orang Yang Diinsuranskan atau teman seperjalanannya untuk mengembara atas apa-apa sebab selain yang dinyatakan dalam Seksyen 4 dan 5.
3. Kegagalan untuk mengambil langkah segera untuk memaklumkan ejen pelancongan atau pengendali pelancongan atau penyedia pengangkutan atau penginapan jika didapati perlu untuk membatalkan atau memendekkan urusan perjalanan.
4. Kelewatan oleh Pengangkutan Awam atas apa-apa sebab lain selain daripada yang dinyatakan dalam Seksyen 4 dan 5.
5. Kecuaian atau keingkaran mana-mana ejen atau ejen pelancongan atau pengendali pelancongan.
6. Pembatalan perjalanan atas permintaan majikan, suami/isteri atau ibu bapa Orang Yang Diinsuranskan
7. Sebarang tindakan yang melanggar undang-undang, atau prosiding jenayah terhadap Orang yang Diinsuranskan dan/atau teman seperjalanan selain daripada kehadiran sebagai saksi di Mahkamah Undang-undang di bawah sepina atau saman.
8. Peraturan atau akta kerajaan.
9. Insolvensi yang berlaku atau kemuflihan yang difailkan sebelum tarikh berkuat kuasa perlindungan ini.

Orang Yang Diinsuranskan hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Perbelanjaan Pembatalan, Penangguhan atau Pemendekan, untuk mana-mana satu kejadian.



## **Seksyen 5: Penundaan Penerbangan (Diguna pakai untuk Perjalanan Sehala sahaja), Penundaan Perjalanan atau Pelencongan Perjalanan**

### **5(a) Penundaan Penerbangan (Diguna pakai untuk Perjalanan Sehala sahaja), Penundaan Perjalanan**

Syarikat akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap kelewatan enam (6) jam penuh berturut-turut sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, sekiranya berlaku kelewatan dalam keberangkatan Pengangkutan Awam dalam Perjalanan, yang mana Orang yang Diinsuranskan telah dijadualkan untuk menaikinya disebabkan:

- (i) Mogok atau tindakan industri lain
- (ii) Rusuhan, Kekecohan Awam
- (iii) Rampasan
- (iv) Tindakan Keganasan
- (v) Bencana alam, keadaan cuaca buruk
- (vi) Kerosakan mekanikal dan/atau elektrik terhadap Pengangkutan Awam
- (vii) Sebarang peristiwa yang membawa kepada sekatan ruang udara atau penutupan lapangan terbang

Tempoh kelewatan hendaklah dikira dari masa berangkat asal seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan ke keberangkatan Pengangkutan Awam, penerbangan yang dicarter atau sebarang pengangkutan alternatif berikutnya yang tersedia, yang mana lebih awal.

Orang yang Diinsuranskan mesti mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Awam yang berkenaan termasuk bilangan jam yang tertangguh dan sebab kelewatan itu sebagai keterangan kerugian tersebut.

Manfaat ini tidak akan dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan telah dimaklumkan tentang kelewatan itu, dua puluh empat (24) jam atau lebih sebelum pelepasan asal yang dijadualkan seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan.

### **5(b) Pelencongan Perjalanan**

Syarikat akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap kelewatan enam (6) jam penuh berturut-turut sekiranya Pengangkutan Awam yang dinaiki oleh Orang Yang Diinsuranskan dilencongan disebabkan oleh:

- (i) Mogok atau tindakan industri lain
- (ii) Bencana alam, keadaan cuaca buruk
- (iii) Kerosakan mekanikal dan/atau elektrik terhadap Pengangkutan Awam

Tempoh kelewatan hendaklah dikira dari masa ketibaan berjadual asal seperti yang dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan ke waktu ketibaan sebenar di destinasi yang dirancang dalam Perjalanan.

Orang yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Awam yang berkenaan termasuk masa ketibaan yang dijadualkan dan yang sebenar serta masa berlepas yang dijadualkan dan yang sebenar bagi Pengangkutan Awam berikutnya yang tersedia sebagai bukti kerugian tersebut.

## **Seksyen 6: Kegagalan Sambungan Perjalanan**

Syarikat akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Orang Yang Diinsuranskan terlepas penyambungan perjalanan seterusnya yang telah disahkan ketika di Luar Negara di tempat pemindahan kerana kelewatan Pengangkutan Awam sambungan Pihak Diinsuranskan yang dijadualkan dan tidak ada pengangkutan seterusnya yang boleh didapatkan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh enam (6) jam berturut-turut selepas ketibaannya.

Orang yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Awam yang berkenaan termasuk masa ketibaan yang dijadualkan dan yang sebenar serta masa berlepas yang dijadualkan dan yang sebenar bagi Pengangkutan Awam berikutnya yang tersedia sebagai bukti kerugian tersebut.

Orang yang Diinsuranskan hanya boleh membuat tuntutan sama ada bagi Penundaan Perjalanan atau Pelencongan Perjalanan untuk mana-mana satu (1) kerugian dalam kejadian yang sama.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 5 dan 6**

Polisi ini tidak melindungi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk hadir sendiri bagi mendaftar masuk berdasarkan jadual perjalanan.
2. Kegagalan untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Awam atau ejen pengendalian mereka tentang bilangan jam yang lewat dan sebab-sebabnya.
3. Kegagalan untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Awam atau ejen pengendalian mereka tentang butiran penerbangan sambungan yang terlepas.
4. Kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mengambil pengangkutan alternatif pertama yang ditawarkan oleh Pengangkutan Awam.
5. Di mana Pengangkutan Awam yang berkenaan sedang mengalami mogok, sekatan kerja atau tindakan industri lain pada tarikh Orang yang Diinsuranskan membeli polisi.
6. Sekiranya polisi dibeli dalam tempoh enam (6) jam dari waktu berangkat asal yang dijadualkan seperti dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan Orang yang Diinsuranskan.

### **Seksyen 7: Penempahan Penerbangan Berlebihan**

Syarikat akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan yang ditanggung, setelah memberikan keterangan resit/bil berkenaan dengan penginapan hotel dan makanan atau minuman, jika tidak disediakan atau diganti rugi oleh Pengangkutan Awam yang berkenaan atau mana-mana pihak ketiga sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dinafikan penerbangan menaiki penerbangan berjadual komersial kerana terlalu banyak tempahan dan tiada pengangkutan alternatif boleh didapati dalam masa empat (4) jam dari waktu pelepasan yang dijadualkan untuk penerbangan tersebut. Orang yang Diinsuranskan mesti mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Awam yang berkenaan sebagai bukti kerugian tersebut.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 7**

Sekiranya polisi dibeli dalam tempoh enam (6) jam dari waktu berangkat asal yang dijadualkan seperti dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan Orang yang Diinsuranskan.

### **Seksyen 8: Kehilangan atau Kerosakan Bagasi dan Barangan Peribadi**

Syarikat akan membayar nilai pasaran atau kos pembaikan yang mana lebih rendah, untuk beg, bagasi atau barangan peribadi yang dibawa bersama, termasuk pembelian yang dibuat semasa Perjalanan yang hilang atau rosak disebabkan oleh rompakan, kecurian atau melalui kekerasan, keganasan, atau ancaman keganasan sehingga had atau jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 8**

Polisi ini tidak melindungi perkara berikut:

1. Haiwan, kenderaan bermotor (termasuk aksesori), motosikal, bot, motor, sebarang kenderaan lain, papan salji dan peralatan ski dan peralatan golf semasa digunakan, barangan rumah, barang antik, gigi palsu atau anggota badan palsu, Wang atau Dokumen Perjalanan, manuskrip atau sekuriti.
2. Kanta lekapan, artikel mudah pecah atau rapuh melainkan jika disebabkan oleh kebakaran atau kemalangan terhadap pengangkutan yang mengangkutnya.
3. Barang atau sampel perniagaan
4. Sebarang kerosakan yang disebabkan oleh haus atau lusuh biasa atau kecacatan pengilang, kemerosotan secara beransur-ansur atau kerosakan atau kekacauan mekanikal, pembersihan, pencelupan, pembaikan, pemulihan atau perubahan, rama-rama atau binatang perosak, keadaan atmosfera atau iklim.
5. Kerosakan disebabkan calar atau kemik kecuali kerosakan tersebut menyebabkan barang itu tidak lagi boleh digunakan seperti tujuan asal yang mana ia direka. Tuntutan tidak akan dibayar jika kerosakan tersebut hanya memberi kesan kepada nilai estetik item tersebut.

6. Bagasi sementara dalam jagaan syarikat penerbangan atau pengangkutan awam lain kecuali dilaporkan dalam tempoh 24 jam dan laporan ketidakteraturan harta telah diperolehi daripada syarikat penerbangan atau persijilan atau laporan yang di dokumentasi atau laporan daripada pengangkutan awam tersebut.
7. Sebarang kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam dan laporan polis telah diperolehi.
8. Kerugian akibat rampasan oleh Kastam atau pihak berkuasa kerajaan yang lain.
9. Kehilangan bagasi Orang Yang Diinsuranskan yang dihantar sebagai bagasi atau cenderahati yang tidak bersama dan artikel yang diposkan atau dihantar secara berasingan.
10. Kehilangan bagasi Orang Yang Diinsuranskan yang ditinggalkan tanpa pengawasan di dalam mana-mana kenderaan atau tempat awam atau akibat kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil tindakan sewajarnya dan tindakan pencegahan untuk perlindungan dan keselamatan harta tersebut.
11. Kos menghasilkan semula data sama ada direkodkan dalam pita, kad, cakera atau lain-lain.
12. Kehilangan misteri.
13. Barang kemas dan jam tangan.
14. Komputer (termasuk perisian dan aksesori) selain Komputer Mudah Alih.

## **Seksyen 9: Kelewatan Bagasi**

Syarikat akan membayar sehingga jumlah manfaat maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk setiap kelewatan enam (6) jam penuh berturut-turut sekiranya bagasi yang didaftar masuk oleh Orang yang Diinsuranskan lewat disebabkan oleh Pengangkutan Awam dan tidak dihantar kepada Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh enam (6) jam dari ketibaan Orang yang Diinsuranskan di destinasi Luar Negara atau di Malaysia, yang mana berkenaan.

Orang yang Diinsuranskan mesti mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Awam yang berkenaan termasuk bilangan jam yang tertangguh dan sebab kelewatan itu sebagai keterangan kerugian tersebut.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 9 ini**

Polisi ini tidak melindungi perkara berikut:

1. Kelewatan bagasi yang tidak segera dilaporkan kepada pengendali Pengangkutan Awam.
2. Kelewatan bagasi yang mana Orang Yang Diinsuranskan telah menerima pampasan daripada pengendali Pengangkutan Awam.

## **Seksyen 10: Kehilangan Dokumen Perjalanan dan penggunaan Kad Kredit yang Tidak Dibenarkan, termasuk kehilangan wang peribadi akibat kecurian**

Syarikat akan membayar sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk:

### **a) Kehilangan Dokumen**

- Kos menggantikan Dokumen Perjalanan yang hilang semasa di Luar Negara. Pembayaran balik kehilangan tiket perjalanan bermaksud caj pentadbiran yang ditanggung untuk menggantikan tiket perjalanan yang hilang.
- Sebarang perbelanjaan tambahan untuk pengangkutan dan penginapan hotel biasa tidak termasuk makanan dan minuman yang munasabah dan perlu ditanggung di Luar Negara untuk menggantikan dokumen perjalanan yang hilang yang menghalang Orang yang Diinsuranskan daripada menyelesaikan Perjalanan yang dijadualkan.

### **b) Penggunaan Kad Kredit Tanpa Kebenaran**

Kehilangan wang yang disebabkan oleh penggunaan kad kredit Orang Yang Diinsuranskan tanpa kebenaran sekiranya kad kredit Orang Yang Diinsuranskan hilang Di Luar Negara semasa Perjalanan.

### **c) Wang Persendirian**

- Kecurian wang tunai, duit syiling, wang kertas atau cek kembara yang dipegang oleh Orang yang Diinsuranskan dalam Perjalanan sehingga sub-had sebanyak RM800 untuk semua pelan.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 10**

Polisi ini tidak melindungi perkara berikut:

1. Sebarang kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam dan laporan polis telah diperolehi;
2. Kehilangan Wang yang bukan dalam jagaan peribadi Orang yang Diinsuranskan;
3. Tiada tuntutan akan dibayar berkenaan dengan kekurangan disebabkan oleh kadar pertukaran atau susut nilai dan untuk kehilangan cek kembara/kad kredit yang tidak dilaporkan dengan segera kepada cawangan tempatan atau ejen pengeluaran.

### **Seksyen 11: Kesulitan Rampasan**

Syarikat akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku Rampasan yang melebihi dua belas (12) jam berturut-turut, yang melarang Orang yang Diinsuranskan untuk tiba di destinasi yang dijadualkan.

### **Seksyen 12: Liabiliti Peribadi**

Syarikat akan menanggung rugi Orang Yang Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat jika semasa dalam perjalanan, Orang Yang Diinsuranskan akan bertanggungjawab secara sah untuk membayar kepada pihak ketiga untuk apa-apa yang berkenaan dengan:

- (a) Kecederaan anggota (termasuk kematian atau penyakit) terhadap sesiapa;
- (b) Kerugian atau kerosakan terhadap harta benda

yang disebabkan oleh kecuaiian atau tindakan sengaja Orang yang Diinsuranskan.

Kecuali untuk Proviso (b) dan (c) di bawah, Syarikat juga akan membayar kos dan perbelanjaan undang-undang yang ditanggung oleh Orang yang Diinsuranskan dalam mempertahankan sebarang tuntutan atau tindakan undang-undang terhadapnya di bawah Seksyen ini.

Dengan syarat:

- (a) Jumlah liabiliti Syarikat (termasuk kos dan perbelanjaan undang-undang) tidak melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- (b) Orang yang Diinsuranskan tidak boleh tanpa persetujuan secara bertulis daripada Syarikat membuat sebarang pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran berkaitan dengan apa-apa kejadian atau tuntutan dan jika mahu, Syarikat berhak untuk mengambil alih dan menjalankan pertahanan atau penyelesaian sebarang tuntutan atas nama Orang yang Diinsuranskan .
- (c) Syarikat berhak untuk mendakwa atas nama Orang Yang Diinsuranskan untuk sebarang tuntutan bagi ganti rugi atau kerosakan atau sebaliknya dengan perbelanjaannya sendiri dan bagi faedahnya sendiri.
- (d) Syarikat akan mempunyai budi bicara penuh dalam menjalankan apa-apa prosiding yang berkaitan dengan sebarang tuntutan dan Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarikat dalam pertahanan, pendakwaan atau penyelesaian apa-apa tuntutan.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 12**

Polisi ini tidak melindungi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Sebarang liabiliti undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kenderaan motor, pesawat berlesen atau peranti udara lain atau kenderaan air atau sebarang pengangkutan lain atau mekanisma oleh Orang yang Diinsuranskan semasa Perjalanan.
2. Kecederaan anggota badan (termasuk kematian atau penyakit) atau kehilangan atau kerosakan harta benda mana-mana Ahli Keluarga Orang yang Diinsuranskan
3. Kerosakan terhadap harta dalam penjagaan, jagaan atau kawalan Orang yang Diinsuranskan.
4. Apa-apa ganti rugi punitif dan teladan.

## **Seksyen 13: Kehilangan penggunaan hotel akibat mogok**

Syarikat akan membayar manfaat tunai kepada Orang yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk setiap hari dalam tempoh di mana Orang yang Diinsuranskan mengalami Penarikan Perkhidmatan Penting di hotel akibat mogok atau tindakan industri selama dua puluh empat (24) jam berturut-turut.

## **Seksyen 14: Perlindungan Rumah**

Syarikat akan membayar ganti rugi melalui pembayaran atau pilihannya untuk memulihkan semula atau perbaikan, membayar ganti rugi kepada Orang yang Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat terhadap kerugian atau kerosakan Kandungan Rumah dan/atau Barang Berharga di dalam kediaman Orang yang Diinsuranskan di Malaysia yang telah ditinggalkan kosong semasa Perjalanan Orang yang Diinsuranskan, yang disebabkan oleh kebakaran yang berlaku dalam Tempoh Insurans dan selepas bermulanya Perjalanan.

Seandainya berlaku kerugian atau kerosakan terhadap mana-mana harta yang diinsuranskan yang membentuk sebahagian daripada sepasang atau set, liabiliti kami tidak boleh melebihi bahagian yang berkadaran dengan nilai pada pasangan atau set itu. Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk lebih daripada RM500 berhubung mana-mana satu artikel atau pasangan atau set barang.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 14**

Polisi ini tidak melindungi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Kerugian atau kerosakan akibat haus, lusuh, susut nilai, proses pembersihan atau disebabkan keadaan cahaya atau atmosfera, rama-rama, serangga, binatang perosak atau apa-apa sebab operasi secara beransur-ansur yang lain.
2. Apa-apa kehilangan atau kerosakan yang berlaku melalui tindakan sengaja Orang yang Diinsuranskan atau dengan pembiaran Orang yang Diinsuranskan.
3. Kerugian atau kerosakan akibat kerosakan elektrik atau mekanikal.
4. Apa-apa peralatan fotografi dan sukan dan aksesori dan alat muzik yang digunakan untuk tujuan perniagaan atau profesional Orang yang Diinsuranskan.
5. Kenderaan motor, bot, ternakan, basikal dan apa-apa kelengkapan atau aksesori yang berhubungan dengannya.
6. Kerugian atau kerosakan yang diinsuranskan di bawah mana-mana polisi insurans lain, atau dibayar balik oleh mana-mana pihak lain.

## **Seksyen 15: Insolvensi Ejen Pelancongan**

Syarikat akan membayar balik jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk kehilangan deposit perjalanan atau tambang yang tidak boleh didapatkan semula yang dibayar terlebih dahulu disebabkan oleh insolvensi Ejen Pelancongan. Liabiliti maksimum Syarikat bagi mana-mana satu ejen pelancongan adalah terhadap kepada jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, mana-mana satu kejadian dan dalam bentuk agregat.

### **Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 15**

Polisi ini tidak melindungi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Insolvensi berlaku sebelum pembelian Polisi.
2. Polisi dibeli kurang daripada 12 hari sebelum bermulanya Perjalanan.

## Seksyen 16: Lebih Bayaran Sewaan Kereta

Syarikat akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan untuk sebarang lebih atau deduktibel, yang mana Orang yang Diinsuranskan menjadi bertanggungjawab secara sah untuk membayar di bawah kontrak sewaan kereta akibat kehilangan atau kerosakan kepada kereta yang disewa yang timbul daripada Kemalangan dalam Perjalanan dengan syarat syarat-syarat berikut dipatuhi:

- (a) Orang yang Diinsuranskan mesti mematuhi semua syarat agensi sewaan di bawah perjanjian sewa, polisi insurans kenderaan bagi kereta sewa serta undang-undang dan peraturan negara yang dilawati.
- (b) Kereta mesti disewa daripada agensi sewa yang berlesen.
- (c) Orang yang Diinsuranskan akan mengambil insurans motor komprehensif terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada kereta yang disewa semasa tempoh sewa.
- (d) Kereta mestilah disewa dan dipandu oleh Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana Ahli Keluarga Terdekatnya yang memegang lesen yang sah untuk memandu kereta sewa di negara yang dilawati dan dinamakan sebagai Pihak Diinsuranskan di dalam Sijil Insurans.

### Pengecualian Diguna Pakai bagi Seksyen 16 ini

1. Kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk mematuhi mana-mana syarat yang disenaraikan dalam Seksyen 5.1.
2. Kehilangan atau kerosakan bukan disebabkan oleh Kemalangan yang melibatkan kereta sewa.
3. Pihak Diinsuranskan atau pemandu hilang kelayakan oleh sebarang perintah daripada mana-mana Mahkamah Undang-undang atau dilarang menyewa dan/atau memandu oleh mana-mana undang-undang, enakmen atau peraturan negara yang dilawati dalam Tempoh Insurans.

## Seksyen 17: Perlindungan Aktiviti Pelancong

Walau apa pun **Pengecualian terhadap Seksyen 4**, Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang yang Diinsuranskan untuk Seksyen 1 - Kemalangan Diri; Seksyen 2 - Perbelanjaan Perubatan dan Seksyen 3 - Pemanduan Kecemasan Perubatan 24 jam & Penghantaran Pulang Jenazah (Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia) yang mungkin dialami akibat daripada terlibat dengan atau berlatih untuk:

- (a) Terjun lelabah (bungee jumping)
- (b) Terjun udara (terjunan tandem sahaja)
- (c) Geluncur angin (geluncuran tandem sahaja)
- (d) Belon udara panas
- (e) Jet ski
- (f) Mendaki gunung, mendaki tembok dan mendaki/ trekking pada ketinggian bawah tiga ribu (3,000) meter di atas paras laut yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan mendaki lain.
- (g) Berkanu atau merakit redah jeram dengan pembimbing yang berkelayakan dan sehingga Gred 3 (menurut Skala Kesukaran Sungai Antarabangsa).
- (h) Aktiviti dalam air yang melibatkan alat pernafasan buatan untuk menyelam sehingga kedalaman maksimum tiga puluh (30) meter dengan pengajar menyelam berkelayakan dan dengan persijilan menyelam yang diiktiraf.

Dengan syarat bahawa aktiviti-aktiviti di atas sentiasa dilakukan secara amatur dan untuk tujuan rekreasi dengan pengendali berlesen semasa Perjalanan.

Semua terma, syarat dan pengecualian polisi ini akan sentiasa diguna pakai.

## Seksyen 18: Perlindungan Keganasan

Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini atau sebarang pengendorsan terhadapnya, adalah dipersetujui bahawa QBE akan membayar Orang yang Diinsuranskan manfaat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 1 hingga 17 tertakluk kepada had yang dinyatakan di atas untuk tuntutan yang berbangkit daripada Tindakan Keganasan.

Polisi ini tidak melindungi kesan-kesan Tindakan Keganasan:

- a) Apabila kejadian, kecederaan atau kerosakan dilindungi oleh pampasan kerajaan atau pihak berkuasa awam.
- b) Apabila pembatalan dan pemendekan perjalanan adalah disebabkan oleh ketakutan untuk mengembara atau sebarang pembatalan oleh Pengangkutan Awam adalah akibat daripada apa-apa ketakutan yang berlaku.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dilindungi di bawah lebih daripada satu Polisi perjalanan dengan QBE, liabiliti maksimum kami bagi setiap Orang yang Diinsuranskan bagi Mana-mana Satu Kejadian adalah terhad kepada satu Polisi dengan pelan terpilih yang paling tinggi.

## Seksyen 19: Lanjutan Perlindungan Perjalanan COVID-19

Walau apa pun Pengecualian Penyakit Berjangkit, maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa bermula dari tarikh kuat kuasa polisi, lanjutan yang berikut telah digabungkan di bawah polisi: -

### Seksyen 19(a) Elaun Hospital/Kuarantin Luar Negara yang timbul daripada COVID-19

Jenis Pelan Manfaat-Manfaat	Had Pelan (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Elaun Hospital/Kuarantin Luar Negara yang timbul daripada COVID-19 Bagi Setiap Orang yang Diinsuranskan	Tidak Terpakai	200 setiap hari sehingga 2,800	300 setiap hari sehingga 4,200
Elaun Hospital/Kuarantin Luar Negara yang timbul daripada COVID-19 Bagi Setiap Keluarga yang Diinsuranskan	Tidak Terpakai	200 setiap hari sehingga 4,000	300 setiap hari sehingga 6,000

QBE akan membayar Orang yang Diinsuranskan suatu manfaat tunai sehingga had yang terpakai kepada pelan yang dipilih seperti yang ditetapkan dalam Jadual bagi setiap hari sekiranya Orang atau Keluarga yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital kerana COVID-19 semasa di luar negara atau tanpa dijangka telah ditempatkan dalam kuarantin yang dikehendaki oleh kerajaan atau pihak berkuasa luar negara susulan diagnosis COVID-19 Orang yang Diinsuranskan atau ahli Keluarga yang mengiringi atau Teman Perjalanan. Manfaat tunai yang diberikan adalah had bergabung dan bukan berasingan untuk kemasukan ke hospital/ untuk kuarantin.

#### Pengecualian-pengecualian yang terpakai kepada bahagian ini:

1. Jika tempoh Kuarantin bukan dalam Tempoh Insurans polisi tersebut;
2. Jika ujian Tindak Balas Rantai Polimerase (PCR) COVID-19 dilakukan dan diuji positif dalam masa 72 jam sebelum tarikh permulaan Perjalanan Orang yang Diinsuranskan. Jika tiada ujian PCR, sebarang diagnosis COVID-19 dalam masa tiga (3) hari sebelum permulaan Perjalanan;
3. Di mana Kuarantin diwajibkan kepada semua pengembara sebagai syarat kemasukan oleh kerajaan/ pihak berkuasa luar negara.

### Seksyen 19(b) Perbelanjaan Perubatan yang timbul daripada COVID-19

Jenis Pelan Manfaat-Manfaat	Had Pelan (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Perbelanjaan Perubatan yang timbul daripada COVID-19 (umur <70)	Tidak Terpakai	200,000	300,000
Perbelanjaan Perubatan yang timbul daripada COVID-19 (umur >70)	Tidak Terpakai	100,000	150,000
Bagi Setiap Anak	Tidak Terpakai	15,000	25,000
Bagi Setiap Keluarga	Tidak Terpakai	400,000	600,000

QBE akan membayar balik Orang yang Diinsuranskan sehingga had yang terpakai kepada pelan yang dipilih seperti yang ditetapkan dalam Jadual untuk Perbelanjaan Perubatan biasa, lazim dan munasabah yang ditanggung akibat COVID-19 semasa di luar negara dan rawatan susulan di Malaysia dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh kembali.

#### Pengecualian-pengecualian yang terpakai kepada bahagian ini:

Polisi ini tidak melindungi tuntutan-tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Perjalanan dengan kapal persiaran;
2. Perbelanjaan Perubatan yang ditanggung untuk rawatan COVID-19 di Malaysia, jika rawatan tidak diperolehi di luar negara;



3. Jika ujian Tindak Balas Rantai Polimerase (PCR) COVID-19 dilakukan dan diuji positif dalam masa 72 jam sebelum tarikh permulaan Perjalanan Orang yang Diinsuranskan. Jika tiada ujian PCR, sebarang diagnosis COVID-19 dalam masa tiga (3) hari sebelum permulaan Perjalanan.
4. Caj-caj wajib bagi kuarantin yang dikenakan oleh kerajaan/ pihak berkuasa luar negara.
5. Ujian Tindak Balas Rantai Polimerase (PCR) dan ujian swab wajib jika diuji negatif.

**Seksyen 19(c) Pemindahan Perubatan Kecemasan & Penghantaran Pulang yang timbul daripada Covid-19**

Jenis Pelan Manfaat-Manfaat	Plan Limit (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Pemindahan Perubatan Kecemasan & Penghantaran Pulang yang timbul daripada COVID-19	Tidak Terpakai	Tiada had	Tiada had

Jika Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan COVID-19 di luar negara dan semasa dalam Perjalanan penasihat perubatan Bantuan Kecemasan Sedunia (WWEA) mencadangkan kemasukan ke hospital, maka WWEA akan mengaturkan untuk:

- a. Memindahkan ke hospital terdekat dan WWEA akan menguruskan pengangkutan kecemasan dengan ambulan atau kaedah-kaedah lain termasuk menugaskan doktor dan/atau jururawat untuk mengiringi Orang yang Diinsuranskan, jika perlu, ke pusat perubatan atau hospital terdekat dan yang paling sesuai;
- b. Sekiranya penasihat perubatan WWEA berpendapat bahawa atas dasar perubatan adalah penting untuk memindahkan, dengan penyeliaan perubatan dalam apa jua cara (termasuk tetapi tidak terhad kepada ambulan udara, penerbangan komersial berjadual dan ambulan darat) ke hospital yang lebih lengkap untuk Kecederaan atau penyakit tertentu.

Selepas mendapat rawatan tempatan dan/atau, menurut pendapat perubatan doktor yang merawat dan penasihat perubatan WWEA, keadaan kesihatan Orang yang Diinsuranskan tidak akan menghalang Orang yang Diinsuranskan daripada dihantar pulang dengan penyeliaan perubatan sebagai penumpang biasa, WWEA akan mengaturkan dan membayar kos penghantaran pulang ke Malaysia dengan penerbangan berjadual (tiket kelas ekonomi kecuali difikirkan perlu menurut pendapat penasihat perubatan WWEA untuk terbang dengan kelas perniagaan) dan kaedah-kaedah pengangkutan sesuai lain, termasuk sebarang kos pengangkutan tambahan ke dan dari lapangan terbang, dengan syarat tiket pulang yang asal tidak sah untuk penghantaran pulang yang sedemikian dan dengan syarat Orang yang Diinsuranskan menyerahkan sebarang bahagian tiket yang tidak digunakan kepada WWEA.

Sekiranya berlaku kematian, WWEA akan menguruskan pengangkutan jenazah kembali ke Malaysia, tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

**Pengecualian-Pengecualian Khas Bantuan Kecemasan Sedunia (WWEA):**

Perkhidmatan dalam Bahagian ini tidak melindungi yang berikut:

1. Sebarang penyakit lain selain COVID-19;
2. Mana-mana Orang yang diinsuranskan yang boleh pulang ke negaranya secara fizikal sebagai penumpang biasa dan tanpa diiringi petugas perubatan (kecuali diterima oleh penasihat perubatan WWEA);
3. Mana-mana Orang yang diinsuranskan di bawah rawatan perubatan pada permulaan Perjalanan beliau atau sebarang Perjalanan yang dilakukan bertentangan dengan nasihat Pengamal Perubatan atau bagi tujuan mendapatkan rawatan perubatan di luar negara atau untuk berehat dan pulih susulan sebarang kemalangan, penyakit yang terdahulu;
4. Kes-kes yang berkaitan masalah emosi, mental atau penyakit psikiatri yang sedang atau pernah dirawat;
5. Perkhidmatan dalam angkatan tentera atau polis mana-mana negara.
6. Sebarang kos atau perbelanjaan yang tidak dilindungi secara nyata oleh Bahagian ini dan sebaliknya tidak diluluskan terlebih dahulu dan secara bertulis oleh QBE dan/atau tidak diatur oleh WWEA;
7. Sebarang perbelanjaan berkaitan rawatan yang dilakukan atau diarahkan oleh pengamal perubatan tidak berdaftar;
8. Kuarantin wajib yang dikenakan oleh kerajaan luar negara tersebut;
9. Ujian Tindak Balas Rantai Polimerase (PCR) dan ujian swab wajib jika diuji negatif.

## Seksyen 19(d) Pembatalan Perjalanan yang timbul daripada COVID-19

Jenis Pelan		Had Pelan (RM)		
Manfaat		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Pembatalan Perjalanan yang timbul daripada COVID-19	Individu	Tidak Berkenaan	20,000	30,000
	Keluarga	Tidak Berkenaan	40,000	60,000

QBE akan membayar balik sehingga had yang terpakai kepada pelan yang dipilih seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi Orang yang Diinsuranskan bagi kerugian perbelanjaan perjalanan yang telah dibayar terlebih dahulu oleh Orang yang Diinsuranskan atau untuk perbelanjaan yang Orang yang Diinsuranskan bertanggungjawab dari segi undang-undang dan yang tidak boleh diperolehi semula daripada sebarang sumber lain selepas pembatalan Perjalanan yang timbul akibat Orang yang Diinsuranskan diuji positif COVID-19 atau didiagnosis dengan komplikasi vaksin COVID-19 atau dikenakan perintah Kuarantin oleh Kerajaan Malaysia dalam masa 14 hari sebelum tarikh permulaan Perjalanan yang dijadualkan.

### Pengecualian-pengecualian yang terpakai kepada bahagian ini:

Polisi tersebut tidak melindungi tuntutan-tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Tanggungjawab perniagaan, kewangan atau kontrak anda atau tanggungjawab sedemikian rakan perjalanan anda atau daripada sebarang keadaan kewangan apa jua pun
2. Rasa keberatan anda untuk mengembara atau rasa keberatan mana-mana orang yang Anda telah aturkan untuk mengembara bersama-sama anda
3. Kegagalan untuk mengambil langkah segera untuk memaklumkan ejen perjalanan Anda atau pengendali lawatan atau penyedia pengangkutan atau penginapan jika didapati perlu untuk membatalkan atau memendekkan aturcara perjalanan
4. Kelewatan oleh mana-mana pihak pengangkutan kecuali disebabkan mogok
5. Masalah kewangan atau kecuaiian atau kemungkiran mana-mana ejen atau ejen perjalanan atau pengendali lawatan
6. Pembatalan Perjalanan menurut permintaan majikan, pasangan atau ibu bapa anda
7. Sebarang tindakan menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah terhadap mana-mana orang yang mana Perjalanan yang telah ditempah tersebut bergantung kepadanya, selain daripada kehadiran sebagai saksi di Mahkamah di bawah sepina atau saman
8. Perbelanjaan tidak boleh dibayar balik untuk aktiviti-aktiviti tempatan yang tidak digunakan seperti bersiar-siar, lawatan, pertunjukan, acara sukan dan yuran-yuran lain
9. Penutupan sempadan yang diisytiharkan oleh negara/wilayah di luar negara
10. Jika polisi tersebut dibeli kurang daripada 6 hari sebelum permulaan Perjalanan yang dijadualkan.

## Seksyen 19(e) Pemendekan Perjalanan yang timbul daripada COVID-19

Jenis Pelan		Had Pelan (RM)		
Manfaat		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Pengurangan Perjalanan akibat COVID-19	Individu	Tidak Berkenaan	20,000	30,000
	Keluarga	Tidak Berkenaan	40,000	60,000

QBE akan membayar balik sehingga had yang terpakai kepada pelan yang dipilih seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi Orang yang Diinsuranskan untuk perjalanan ekonomi dan perbelanjaan penginapan hotel tambahan yang terpaksa ditanggung atau yang telah dibayar terlebih dahulu oleh Orang yang Diinsuranskan atau untuk yang mana Orang yang Diinsuranskan bertanggungjawab dari segi undang-undang dan yang tidak boleh diperolehi semula daripada sebarang sumber lain sekiranya Perjalanan dipendekkan akibat Orang yang Diinsuranskan:

Diuji positif COVID-19 oleh Pengamal Perubatan atau didiagnosis dengan komplikasi vaksin COVID-19 atau dikenakan perintah Kuarantin semasa di luar negara, dan terpaksa pulang terus ke Malaysia:

- a. Susulan diagnosis COVID-19 Teman Perjalanan Orang yang Diinsuranskan semasa di luar negara;
- b. Apabila berlaku kematian luar jangka Saudara Orang yang Diinsuranskan yang tinggal di Malaysia akibat COVID-19 yang berlaku selepas Perjalanan bermula.

**Pengecualian-pengecualian yang terpakai kepada bahagian ini:**

Polisi ini tidak melindungi tuntutan-tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

1. Tanggungjawab perniagaan, kewangan atau kontrak anda atau tanggungjawab sedemikian rakan perjalanan anda atau daripada sebarang keadaan kewangan apa jua pun
2. Rasa keberatan anda untuk mengembara atau rasa keberatan mana-mana orang yang Anda telah aturkan untuk mengembara bersama-sama anda
3. Kegagalan untuk mengambil langkah segera untuk memaklumkan ejen perjalanan Anda atau pengendali lawatan atau penyedia pengangkutan atau penginapan jika didapati perlu untuk membatalkan atau memendekkan aturcara perjalanan
4. Kelewatan oleh mana-mana pihak pengangkutan kecuali disebabkan mogok
5. Masalah kewangan atau kecuaiian atau kemungkiran mana-mana ejen atau ejen perjalanan atau pengendali lawatan
6. Pembatalan Perjalanan menurut permintaan majikan, pasangan atau ibu bapa Anda
7. Sebarang tindakan menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah terhadap mana-mana orang yang mana Perjalanan yang telah ditempah tersebut bergantung kepadanya, selain daripada kehadiran sebagai saksi di Mahkamah di bawah sepina atau saman
8. Perbelanjaan tidak boleh dibayar balik untuk aktiviti-aktiviti tempatan yang tidak digunakan seperti bersiar-siar, lawatan, pertunjukan, acara sukan dan yuran-yuran lain
9. Bahagian Perjalanan yang digunakan sebelum Perjalanan dipendekkan.

**Nota:**

- Polisi tersebut hanya akan memberi maklum balas kepada sebarang tuntutan di atas mana-mana kejadian disebabkan Pembatalan Perjalanan yang timbul daripada COVID-19 atau Pemendekan Perjalanan yang timbul daripada COVID-19.
- Lanjutan ada disediakan kepada ahli-ahli yang telah divaksinasi sepenuhnya terhadap COVID-19 (kecuali kanak-kanak yang mengembara bersama, yang berusia bawah usia minimum untuk vaksinasi wajib menurut Kementerian Kesihatan Malaysia).
- Ini adalah had bergabung daripada manfaat-manfaat/ perlindungan sedia ada iaitu had berkongsi.

## BAHAGIAN 6: MANFAAT WWEA

Orang yang Diinsuranskan berhak mendapatkan bantuan daripada WWEA berkenaan dengan perkara berikut:

**(a) Akses Telefon 24 Jam**

Orang yang Diinsuranskan boleh menghubungi talian khusus 24 jam WWEA untuk sebarang bantuan yang diperlukan dan/atau pertanyaan berhubung dengan Program ini.

**(b) Perundingan Tele-Perubatan**

WWEA akan mengatitkan bantuan dan nasihat segera oleh doktor syarikatnya atau pakar perubatan/profesional perubatan luar yang berkelayakan dan berlesen untuk memberikan nasihat perubatan apabila sebarang nasihat perubatan diminta dalam tempoh perjalanan Orang yang Diinsuranskan. Perundingan Tele-Perubatan yang disediakan hendaklah dianggap sebagai menyediakan nasihat peribadi dan tidak boleh dianggap sebagai diagnosis perubatan dalam apa jua keadaan sekalipun.

**(c) Rujukan dan Pengurusan Perubatan untuk Temu Janji Perubatan**

Atas permintaan Orang yang Diinsuranskan, WWEA akan menyediakan nama, alamat, nombor telefon dan, jika ada, waktu operasi doktor, hospital, klinik, doktor gigi dan klinik pergigian tempatan.

Atas permintaan, WWEA juga akan mengatur temu janji perubatan atau pergigian bagi pihak Orang yang Diinsuranskan.

**(d) Bantuan Kecemasan Perjalanan**

WWEA akan membantu Orang yang Diinsuranskan untuk membuat tempahan tiket penerbangan atau penginapan hotel secara kecemasan sementara Orang yang Diinsuranskan sedang mengembara di luar negara. WWEA juga akan membantu mengatur pendahuluan tunai kecemasan, peruntukan jaminan kewangan itu akan tertakluk kepada WWEA yang mempunyai jaminan pembayaran pertama daripada Orang yang Diinsuranskan melalui akaun kad kreditnya atau dana daripada keluarga Orang yang Diinsuranskan.

**(e) Maklumat Inokulasi, Pasport dan Visa**

WWEA akan memberikan maklumat mengenai syarat-syarat visa dan inokulasi untuk negara-negara asing, kerana syarat-syarat tersebut dinyatakan dari semasa ke semasa dalam edisi terkini "Syarat Sijil Vaksinasi dan Nasihat Kesihatan untuk Perjalanan Antarabangsa" (untuk inokulasi) dan "Panduan ABC untuk Maklumat Perjalanan Antarabangsa" (untuk visa) oleh Penerbitan Organisasi Kesihatan Sedunia.

**(f) Maklumat Cuaca dan Tukaran Mata Wang Asing**

WWEA akan memberikan maklumat kepada Orang yang Diinsuranskan mengenai kadar tukaran mata wang asing utama dan ramalan cuaca dan suhu negara asing.

**(g) Lokasi Barang/Barangan Peribadi yang Hilang**

WWEA akan membantu Orang yang Diinsuranskan yang telah kehilangan bagasi, dokumen dan/atau barangan peribadi mereka ketika mengembara dengan merujuk Orang yang Diinsuranskan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

**(h) Rujukan Kedutaan**

WWEA akan menyediakan alamat, nombor telefon dan waktu pembukaan konsulat dan kedutaan bersesuaian yang paling hampir di seluruh dunia.

**(i) Maklumat Penerbangan**

WWEA akan memberikan maklumat penerbangan mengenai ketibaan dan keberangkatan mengikut destinasi, masa dan nombor penerbangan atas permintaan.

Maklumat ini hanya akan disediakan untuk hari ini, hari sebelum dan hari selepas pertanyaan Orang yang Diinsuranskan.

**(j) Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia ini boleh dihubungi di 03-7628 3611**

## **BAHAGIAN 7: PENGECUALIAN AM (DIGUNA PAKAI UNTUK SEMUA SEKSYEN)**

Polisi ini tidak melindungi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau apabila:

1. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh-musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, kekecohan awam yang seakan-akan atau serupa besarnya dengan pemberontakan ternama, kebangkitan ketenteraan, pemberontakan, penentangan, rampasan kuasa awam atau ketenteraan, atau apa-apa tindakan oleh sesiapa yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi yang tujuannya termasuk penggulingan atau mempengaruhi mana-mana kerajaan de jure atau de facto melalui sebarang cara yang ganas.
2. Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri (sama ada dengan niat melakukan feloni atau tidak) atau apa-apa percubaannya tanpa mengambil kira kewarasan.
3. Melahirkan anak, kehamilan atau keguguran atau sebarang komplikasi daripadanya walaupun kejadian sedemikian mungkin telah dipercepatkan atau disebabkan oleh kemalangan.
4. Intoksikasi oleh alkohol, narkotik atau ubat yang tidak di preskripsi oleh pengamal perubatan yang sah dan berdaftar, dan rawatan berkaitan penagihan dadah atau alkohol.
5. Penyakit atau gangguan emosi, saraf atau mental, penyakit psikiatri, penyakit yang dijangkitkan secara seksual (STD), Jangkitan HIV dan jangkitan berkaitan AIDS, anomali atau kecacatan kongenital.
6. Orang yang Diinsuranskan terlibat dalam kerja buruh yang tidak semestinya bersifat berbahaya tetapi melibatkan penggunaan alat atau mesin (termasuk mesin kerja kayu) dalam Tempoh Insurans.
7. Aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, pelantar minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan.

8. Orang yang Diinsuranskan yang merupakan ahli tentera, polis atau bomba dan semasa dalam Perjalanan perlu bertindak sebagai pegawai penguat kuasa undang-undang, kakitangan kecemasan perkhidmatan perubatan atau kebakaran atau kakitangan tentera, sama ada berkhidmat sepenuh masa atau sebagai sukarela.
9. Apa-apa keadaan yang diinsuranskan dengan lebih khusus atau sebarang tuntutan yang hanya dengan kewujudan polisi ini boleh diperolehi semula di bawah mana-mana polisi, dana atau skim insurans swasta atau Kerajaan lain.
10. Penggunaan, kewujudan atau melepaskan bahan senjata nuklear atau radiasi pengionan atau pencemaran oleh radio aktiviti dari mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear dari gabungan bahan api nuklear.
11. Apa-apa perbuatan haram atau menyalahi undang-undang atau cuba melakukan tindakan haram atau menyalahi undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan atau rampasan, penahanan, kemusnahan oleh kastam atau pihak berkuasa lain.
12. Sebarang pelanggaran peraturan kerajaan atau apa-apa kegagalan oleh Orang yang Diinsuranskan untuk bertanggungjawab mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan di bawah Polisi berikutan sebarang amaran mogok, rusuhan dan kekecohan awam melalui atau oleh media massa am.
13. Apa-apa Kerugian atau Perbelanjaan yang disebabkan oleh Orang Yang Diinsuranskan sebagai akibat melakukan sebarang Perjalanan bertentangan dengan nasihat Pengamal Perubatan atau untuk mendapatkan rawatan perubatan.
14. Apa-apa Penyakit Sedia Ada atau kongenital.
15. Orang Yang Diinsuranskan melibatkan diri atau mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti di bawah:
  - a. Sukan Ekstrem dan Aktiviti Sukan;
  - b. Mana-mana sukan profesional atau mana-mana sukan di mana Orang Yang Diinsuranskan akan atau boleh mendapat atau menerima gaji, derma, penajaan atau ganjaran kewangan dalam apa jua bentuk;
  - c. Perlumbaan melainkan perlumbaan lari atau berjalan kaki (kecuali ultra-maraton, biatlon dan triatlon yang terkecuali);
  - d. Ekspedisi;
  - e. Lawatan perburuan persendirian;
  - f. Ski off-piste;
  - g. Rakit redah rejam persendirian gred 4 atau ke atas;
  - h. Lumba layar laut atau kembara dalam gua (potholing);
  - i. Sukan dalam air yang memerlukan penggunaan alat pernafasan tiruan. Pengecualian ini tidak diguna pakai untuk selam skuba rekreasi di bawah penyeliaan pengajar selam yang berkeelayakan atau jika Orang Yang Diinsuranskan memegang lesen selam skuba profesional dan dikenali (PADI) dan menyelam tidak melebihi kedalaman tiga puluh (30) meter;
  - j. Bermotosikal (melainkan Orang Yang Diinsuranskan memegang lesen motosikal yang diiktiraf oleh negara yang dilawatinya dan dengan syarat bahawa beliau memakai topi keledar sepanjang masa semasa bermotosikal dan mematuhi semua undang-undang jalan raya negara itu);
  - k. Mendaki gunung melebihi 3,000 meter;
  - l. Berjalan trek (termasuk trek gunung) melebihi 3,000 meter;
  - m. Mendaki tembok atau turun cenuram di luar;
  - n. Apa-apa tindakan jenayah/menyalahi undang-undang.

Walau bagaimanapun, pengecualian (l) dan (m) tidak diguna pakai bagi penganjuran berjalan trek menggunakan abah-abah (harness) (termasuk trek gunung), mendaki tembok atau menuruni curam di luar menggunakan abah-abah yang:

- Tersedia kepada orang awam tanpa sekatan (selain daripada amaran kesihatan umum); dan
- Disediakan oleh pengendali pelancongan atau penyedia aktiviti komersial tempatan dan
- Dengan syarat bahawa Orang yang Diinsuranskan bertindak di bawah bimbingan dan pengawasan pembimbing dan/atau pengajar pengendali pelancongan yang berkeelayakan dan Orang yang Diinsuranskan memakai peralatan keselamatan yang disarankan dan mematuhi prosedur dan peraturan keselamatan pembimbing dan/atau pengajar berkeelayakan, dan
- Aktiviti dijalankan di bawah ketinggian 3,000 meter

16. Sebarang jenis kerugian turutan.
17. Apa-apa perjalanan yang diambil oleh Orang yang Diinsuranskan atau perjalanan di dalam Malaysia di bawah Polisi Domestik atau Polisi Pelan Tahunan, tanpa mengambil kira sama ada perjalanan itu adalah untuk perniagaan atau untuk santai, melainkan jika diendors secara khusus dalam Polisi ini. Perlindungan bagi sebarang perjalanan di Malaysia hanya sah jika perjalanan di dalam Malaysia, adalah bersampingan untuk perjalanan ke atau dari destinasi luar negara.
18. Sekatan Had dan Klausula Pengecualian

Syarikat tidak akan menyediakan perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan manfaat di bawah ini sekiranya penyediaan perlindungan, pembayaran tuntutan atau pemberian manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat atau mana-mana ahli kumpulan Syarikat kepada mana-mana sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan mana-mana negara termasuk tetapi tidak terhad kepada Kesatuan Eropah, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

19. Pengecualian penyakit berjangkit atau Yang Menular semasa PHEIC

Perjanjian ini tidak melindungi tuntutan-tuntutan dalam apa jua cara yang disebabkan oleh atau akibat daripada suatu penyakit berjangkit atau yang menular, suatu wabak yang telah diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pengecualian ini akan terpakai kepada tuntutan-tuntutan yang dibuat selepas tarikh sebarang pengisytiharan yang sedemikian, selain daripada kes yang mana diagnosis berkaitan telah dibuat oleh pengamal perubatan yang bertauliah sebelum tarikh sebarang pengisytiharan yang sedemikian.

Pengecualian ini akan kekal terpakai sehingga WHO membatalkan atau menarik balik sebarang PHEIC yang berkaitan.

Penyakit berjangkit atau yang menular bermaksud sebarang penyakit yang boleh disebarkan daripada manusia, haiwan atau spesies yang telah dijangkiti kepada manusia, haiwan atau spesies lain melalui sebarang cara.

## **BAHAGIAN 8: SYARAT AM (DIGUNA PAKAI UNTUK SEMUA SEKSYEN)**

### **1. Had Agregat Liabiliti**

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa liabiliti keseluruhan Syarikat tidak boleh melebihi RM50,000,000 untuk semua tuntutan yang boleh diterima yang timbul daripada mana-mana satu kemalangan atau kejadian.

Sekiranya jumlah tuntutan yang diterima untuk mana-mana kemalangan atau kejadian yang diinsuranskan adalah melebihi RM50,000,000, jumlah RM50,000,000 ini akan dikongsi oleh semua pihak yang menuntut dalam perkadaran yang berpatutan dan setiap pihak yang menuntut akan menerima jumlah pro-rata berdasarkan pelan yang diinsuranskan dengan QBE Insurance (Malaysia) Berhad.

### **2. Beban Membuktikan**

Sekiranya Syarikat mendakwa bahawa oleh sebab perlindungan ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya ditanggung oleh Anda.

### 3. Notis Pembatalan

- i. Polisi Lawatan Tunggal - Perlindungan insurans tidak boleh diperbaharui, tidak boleh dibatalkan, dan premium diperoleh sepenuhnya sebaik sahaja polisi dikeluarkan.
- ii. Polisi Pelan Tahunan

Bulan di mana Polisi dibatalkan	% jumlah premium dibayar yang akan dipulangkan
Dalam tempoh 2 bulan	60%
Dalam tempoh 3 bulan	50%
Dalam tempoh 4 bulan	40%
Dalam tempoh 5 bulan	30%
Dalam tempoh 6 bulan	25%
Melebihi 6 bulan	Tiada pulangan

Syarikat boleh membatalkan Polisi dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Orang yang Diinsuranskan di alamat terakhir yang diketahui. Pihak Diinsuranskan juga boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan menghantar notis empat belas (14) hari kepada Syarikat. Tiada bayaran akan dipulangkan jika tuntutan telah dibuat semasa Tempoh Insurans. Pembatalan sedemikian tidak akan menjejaskan sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini sebelum tarikh pembatalan. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan sedemikian, Syarikat berhak untuk mendapatkan semula semua premium yang dipulangkan dan menolak jumlah tersebut daripada sebarang tuntutan yang perlu dibayar.

### 4. Prosedur Tuntutan

Notis hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam tempoh 30 hari dari mana-mana kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan. Kenyataan terperinci secara bertulis yang menerangkan kejadian itu perlu dihantar kepada Syarikat. Kecuali diarahkan sebaliknya, semua manfaat yang disediakan akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan, setelah penerimaan bukti yang dapat diterima oleh Syarikat. Penerimaan pampasan oleh Orang yang Diinsuranskan akan melepaskan Syarikat daripada semua liabiliti berhubung dengan manfaat-manfaat ini.

### 5. Pematuhan Syarat Polisi

Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang terkandung dalam Polisi ini akan membatalkan semua tuntutan di bawah ini.

### 6. Syarat Duluan

Kesahihan Polisi ini adalah tertakluk kepada syarat terdahulu bahawa:

Untuk risiko yang diinsuranskan, Anda tidak pernah mempunyai insurans yang ditamatkan dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelumnya disebabkan semata-mata atau sebahagiannya kerana pelanggaran sebarang syarat pembayaran premium; atau

Jika Anda telah mengisytiharkan bahawa Anda telah melanggar sebarang syarat pembayaran premium untuk polisi terdahulu yang diambil dengan penginsurans lain dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelumnya:

- a. Anda telah membayar sepenuhnya semua premium tertunggak untuk masa terhadap risiko yang dikira oleh penginsurans terdahulu berdasarkan faedah kadar pendek bayaran balik untuk polisi terdahulu; dan
- b. Satu salinan pengesahan bertulis daripada penginsurans terdahulu untuk penguatkuasaan ini perlu disediakan dahulu oleh penginsurans yang dinamakan kepada Syarikat sebelum bermulanya perlindungan.

### 7. Penafian

Syarikat telah mengambil semua langkah untuk memastikan bahawa WWEA hanya menawarkan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada Orang yang Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, Syarikat bukanlah pembekal perkhidmatan tersebut dan tidak menerima sebarang liabiliti berkenaan dengan perkhidmatan yang disediakan atau untuk apa-apa akibat yang timbul dari situ.



#### **8. Tanggungjawab Untuk Berjaga-jaga**

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah bertindak secara berhemah dan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi keselamatan dan pengawasan diri sendiri dan harta benda seolah-olah tidak diinsuranskan.

#### **9. Penipuan**

Jika sebarang tuntutan di bawah Polisi ini, dalam apa cara pun, adalah palsu atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan untuk mendapatkan Manfaat di bawah Polisi ini, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk tuntutan itu.

#### **10. Tempoh Pertimbangan (Diguna Pakai untuk Polisi Tahunan Baharu bagi Kontrak Pengguna sahaja)**

Sekiranya anda seorang pemegang polisi baharu dan anda tidak berpuas hati sepenuhnya selepas meneliti polisi ini, kembalikannya kepada kami atau pengantara kami dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh anda menerima dokumen polisi dan polisi ini akan dibatalkan dan wang anda akan dipulangkan sepenuhnya. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat berkenaan dengan polisi yang dibatalkan.

Nota: Dokumen polisi dianggap telah diterima oleh anda tiga (3) hari selepas kami menghantarnya.

#### **11. Pentafsiran Perlindungan**

Polisi ini hendaklah ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

#### **12. Pengantaraan / Penimbangtaraan**

- i. Semua pertelingkahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak yang bertelingkah, atau jika mereka tidak mencapai persetujuan tentang seseorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang Penimbang Tara di mana setiap seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh satu (1) bulan kalendar selepas diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh pihak yang satu lagi atau sekiranya Penimbang Tara tidak mencapai persetujuan tentang seorang Wasit yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan tersebut.

Wasit hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan penghasilan Award hendaklah menjadi syarat duluan terhadap sebarang hak tindakan terhadap Syarikat.

Sekiranya Syarikat menafikan liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan untuk sebarang tuntutan di bawah ini dan tuntutan tersebut dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut tidak dirujuk kepada penimbangtaraan di bawah Peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan itu untuk semua tujuan akan dianggap telah ditinggalkan dan tidak boleh diperolehi semula.

- ii. Orang Yang Diinsuranskan bebas untuk merujuk sebarang tuntutan atau pertikaian kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan dan jika dia memilih yang sedemikian, beliau dianggap telah mengetepikan haknya untuk merujuk sebarang perbezaan di bawah polisi untuk penimbangtaraan seperti yang dinyatakan di atas.

#### **13. Lebih Daripada Satu Polisi**

Orang yang Diinsuranskan tidak boleh diinsuranskan di bawah lebih daripada satu Polisi Travel PA yang dikeluarkan oleh Syarikat. Sekiranya Orang yang diinsuranskan di bawah lebih daripada satu Polisi Insurans tersebut, Syarikat akan menganggap Orang yang Diinsuranskan hanya diinsuranskan di bawah Polisi yang pertama dikeluarkan. Syarikat akan memulangkan sebarang bayaran premium insurans lebihan yang mungkin telah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan.

#### **14. Jaminan Premium Sebelum Perlindungan (Diguna Pakai untuk Kontrak Pengguna)**

- i. jumlah premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan benar-benar diterima sepenuhnya oleh Syarikat (atau perantara di mana Polisi ini dikuatkuasa melaluinya) pada atau sebelum tarikh permulaan ("tarikh permulaan") perlindungan di bawah polisi, sijil pembaharuan, nota perlindungan atau pengendorsan;
- ii. Sekiranya jumlah premium yang perlu dibayar tidak dibayar dan benar-benar diterima sepenuhnya oleh Syarikat (atau perantara di mana Polisi ini dikuatkuasa melaluinya) pada atau sebelum tarikh permulaan yang disebut di atas, maka polisi, sijil pembaharuan, nota perlindungan dan pengendorsan tidak akan sah dan tiada manfaat apa pun yang perlu dibayar oleh Syarikat. Apa-apa bayaran yang diterima selepas itu tidak akan berkuat kuasa sama sekali kerana perlindungan tidak pernah sah pada Polisi, sijil pembaharuan, nota perlindungan dan pengendorsan;

#### **15. Bukti Kerugian**

Ia adalah syarat terdahulu kepada liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini, bahawa Orang yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan laporan, maklumat dan bukti yang diperlukan dengan sewajarnya oleh Syarikat dari semasa ke semasa atas perbelanjaannya sendiri dalam sebarang bentuk dan sifat yang dikehendaki oleh Syarikat. Syarikat hendaklah dibenarkan atas perbelanjaan sendiri menjalankan pemeriksaan bedah siasat terhadap mayat dengan memberi notis yang munasabah kepada wakil peribadi Orang yang Diinsuranskan.

Kematian Orang yang Diinsuranskan hendaklah ditentukan oleh sijil kematian rasmi, atau melalui perintah mahkamah yang mengandaikan kematiannya dalam kes kehilangan berikutan kemalangan atau kehilangan kapal atau pesawat udara.

#### **16. Hak Subrogasi**

Sekiranya terdapat sebarang pembayaran di bawah Liabiliti Diri, Syarikat hendaklah disubrogasi kepada semua hak Orang yang Diinsuranskan untuk memperolehi kembali dan oleh itu terhadap mana-mana orang, syarikat atau organisasi dan Orang yang Diinsuranskan akan melaksanakan dan menyampaikan instrumen dan dokumen dan melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk menjamin mana-mana hak sedemikian. Orang yang Diinsuranskan tidak akan mengambil tindakan selepas kehilangan untuk menggunakan hak tersebut.

## DOKUMEN TUNTUTAN YANG DIPERLUKAN

Jenis Tuntutan	Tindakan/Dokumen Yang Diperlukan
Semua tuntutan	Borang tuntutan yang lengkap dan ditandatangani. Sijil insurans asal. Tiket Penerbangan.
Kemalangan Diri	Laporan perubatan daripada doktor yang merawat di luar negara. Sijil kematian. Laporan Bedah Siasat. Laporan Polis.
Perbelanjaan Perubatan	Laporan perubatan daripada doktor yang merawat di luar negara. Invois dan resit perubatan asal (butiran satu-persatu).
Elaun Harian Hospital Luar Negara	Surat yang mengesahkan tarikh masuk dan keluar dari hospital.
Lawatan Ihsan	Surat yang mengesahkan tarikh masuk dan keluar dari hospital. Resit asal untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan.
Perlindungan Anak	Surat yang mengesahkan tarikh masuk dan keluar dari hospital. Resit asal untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan.
Pemindahan dan Penghantaran Pulang Kecemasan Perubatan	Laporan perubatan daripada doktor yang merawat di luar negara. Invois dan resit perubatan asal (butiran satu-persatu). Resit asal untuk perbelanjaan yang dituntut bagi kos pengebumian atau pembakaran mayat atau menghantar jenazah.
Pembatalan Perjalanan, Penangguhan Perjalanan, Pemendekan Perjalanan	Sijil kematian. Laporan perubatan. Pengesahan bertulis daripada pengangkutan berkenaan yang mengesahkan kejadian itu. Bukti hubungan. Rekod dipanggil mahkamah. Laporan polis. Resit asal untuk perbelanjaan yang dituntut bagi kos pengangkutan dan penginapan tambahan.
Penundaan Perjalanan, Pelencongan Perjalanan	Pengesahan bertulis daripada pengangkutan berkenaan yang mengesahkan tempoh kelewatan dan sebab untuknya.
Kegagalan Sambungan Perjalanan	Pengesahan bertulis daripada pengangkutan berkenaan yang mengesahkan butiran terlepas penerbangan sambungan dan bila pengangkutan alternatif berikutnya tersedia.
Penempahan Penerbangan Berlebihan	Pengesahan bertulis daripada pengendali pengangkutan berkenaan yang mengesahkan butiran penempahan penerbangan berlebihan dan bila pengangkutan alternatif berikutnya tersedia.

<p>Kehilangan atau Kerosakan bagasi</p>	<p>Resit asal untuk semua barang yang dituntut. Sekiranya tiada, beri keterangan tentang barang dan tarikh, tempat dan harga pembelian. Laporan polis yang memperincikan kejadian dan senarai barangan yang dicuri. Jika dalam jagaan pihak ketiga seperti pengendali pengangkutan, penghantar, hotel dan lain-lain, dapatkan laporan bertulis mengenai kejadian itu. Foto yang menunjukkan bagasi rosak tersebut.</p>
<p>Kelewatan Bagasi</p>	<p>Laporan Kelewatan Bagasi daripada pengendali pengangkutan berkenaan yang mengesahkan tempoh kelewatan dan sebabnya. Pengesahan bertulis daripada pengendali pengangkutan berkenaan tentang tarikh dan masa penghantaran bagasi.</p>
<p>Kehilangan Dokumen dan Penggunaan Kad Kredit yang Tidak Dibenarkan, termasuk Kehilangan Wang Peribadi Akibat Kecurian</p>	<p>Laporan polis yang memperincikan kejadian dan senarai barangan yang dicuri. Resit asal untuk kos tambahan yang ditanggung bagi menggantikan dokumen perjalanan yang hilang</p>
<p>Kesulitan Rampasan</p>	<p>Pengesahan bertulis daripada pengendali pengangkutan berkenaan yang mengesahkan kejadian dan tempohnya</p>
<p>Liabiliti Peribadi</p>	<p>Pihak Diinsuranskan tidak boleh mengakui apa-apa liabiliti dan perlu mengemukakan sebarang surat-menyurat dari pihak ketiga tanpa dijawab kepada pelaras kerugian dengan serta-merta.</p>

Kehilangan Penggunaan Hotel akibat Mogok	Pengesahan bertulis daripada hotel berkenaan yang mengesahkan kejadian dan tempohnya
Perlindungan Rumah	Laporan polis yang memperincikan kejadian dan senarai barangan yang dicuri.
Insolvensi Ejen Pelancongan	Resit asal untuk pembayaran tiket Penerbangan. Invois tempahan bersama dengan terma dan syarat tempahan, dan jadual Perjalanan. Laporan polis yang memperincikan Insolvensi Syarikat Penerbangan yang didakwa. Pengesahan bertulis daripada Jabatan Insolvensi Malaysia tentang status insolvensi Syarikat Penerbangan.
Lebih Bayaran Sewaan Kereta	Perjanjian sewa kereta asal. Nasihat bertulis daripada agensi sewa yang yang mempertanggungjawabkan Pihak Diinsuranskan untuk kehilangan atau kerosakan kepada kenderaan sewa. Invois dan resit asal daripada agensi sewa untuk penyewaan kereta. Salinan lesen memandu setiap pemandu pada masa kemalangan. Salinan polisi insurans motor luar negara jika ada. Laporan polis. Resit asal untuk lebihan yang dibayar.

# NOTIS PENTING

## 1. Kenyataan Privasi

Dengan memberikan data peribadi untuk membeli Polisi ini, anda memberi kami kebenaran untuk kegunaannya seperti yang dijelaskan di bawah:-

- Untuk memudahkan pelaksanaan fungsi sebagai Syarikat insurans
- Untuk mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi Anda kepada pihak ketiga terpilih di dalam atau di luar Malaysia, selaras dengan Kenyataan Dasar Privasi yang dipaparkan di laman web Kami di [www.qbe.com.my](http://www.qbe.com.my).

Anda juga boleh meminta untuk membetulkan data peribadi Anda dengan menghubungi Jabatan Perkhidmatan Pelanggan kami. Maklumat tersebut hanya akan diberikan selepas pengesahan. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

## 2. Saluran-saluran berikut disediakan untuk aduan mengenai perkara yang berkaitan dengan insurans. Anda boleh menghubungi Unit Aduan kami untuk mendapatkan bantuan di 03-7861 8400 atau badan-badan berikut:

### **OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES**

CO. NO. 200401025885

(664393-P)

LEVEL 14, MAIN BLOCK MENARA TAKAFUL

MALAYSIA

NO. 4, JALAN SULTAN SULAIMAN 50000 KUALA

LUMPUR

TEL: +603-22722811

FAX: +603-22721577

EMAIL: [ENQUIRY@OFS.ORG.MY](mailto:ENQUIRY@OFS.ORG.MY)

### **LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK) BANK NEGARA MALAYSIA**

PO BOX 10922

50929 KUALA LUMPUR

TEL : 1-300-88-5465 (LINK)

FAKS : 03-2174 1515

## 3. Bagi semua maksud dan tujuan, sekiranya terdapat konflik atau kekaburan mengenai maksud dalam peruntukan Bahasa Malaysia di mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

# BUTIRAN HUBUNGAN

## **QBE Insurance (Malaysia) Berhad**

(Licensed under Financial Service Act 2013, regulated by Bank Negara Malaysia)

Reg No.: 198701002415(161086-D)

SST No.: B16-1808-31042744

No. 638, Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square,

No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,

Postal Address P.O. Box 10637, 50720 Kuala Lumpur, Malaysia.

Phone: 03-7861 8400

Fax: 03-7873 7430

[www.qbe.com.my](http://www.qbe.com.my)

Email: [info.mal@qbe.com](mailto:info.mal@qbe.com)

Branches:

• Penang • Ipoh • Melaka • Johor Bahru • Kuching • Kota Kinabalu • Sandakan